



dn 8829

1100089084

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu.

LP 46 FPE 2 2009



1100089084

Projek pertubuhan peladang Negeri Pahang PASFA) : impak sosioekonomi peladang di daerah Kuantan / Nurul 'Ain Salehudin.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

**1100089084**


Lihat Sebelah

**HAK MILIK**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**PROJEK PERTUBUHAN PELADANG NEGERI  
PAHANG (PASFA) : IMPAK SOSIOEKONOMI  
PELADANG DI DAERAH KUANTAN**

**NURUL 'AIN BINTI SALEHUDIN  
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**LAPORAN KERTAS PROJEK INI MERUPAKAN  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK  
MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA  
EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

Tarikh : 26 APRIL 2009

.....  
NURUL 'AIN BINTI SALEHUDIN

UK14057

## DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4399A/B) is the result or my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledged by giving explicit references is appended.

Date: 26 APRIL 2009

.....  
NURUL 'AIN BINTI SALEHUDIN

UK14057

## **PENGHARGAAN**

Assalammualaikum W.B.T.

Segala puji dan sanjungan hanya kepada Allah serta selawat dan salam kepada junjungan Rasullullah S.A.W. Syukur Al-hamdulillah kerana dengan taufik dan hidayah-Nya saya dapat menyiapkan laporan projek tahun akhir yang telah diamanahkan kepada saya.

Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Noor Haslina Mohamad Akhir selaku penyelia kertas projek ini. Beliau sentiasa meluang masa untuk membimbing dan memberi dorongan serta pendapat bagi menyiapkan laporan projek ini. Kesudian beliau amat dihargai.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapan kepada kakitangan pengurusan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang telah banyak membantu saya untuk menyiapkan laporan projek tahun akhir saya. Tidak dilupa juga kepada ahli atau peladang PASFA yang banyak membantu saya dan kerjasama mereka dalam menyiapkan laporan ini

Ribuan terima kasih juga saya ucapan kepada ibu bapa dan keluarga saya yang banyak memberi galakan dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan laporan projek ini. Terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan.

Saya juga bersyukur kerana dapat menyiapkan laporan projek tahun akhir ini dengan jayanya, disamping memperoleh manfaat serta dapat menimba ilmu pengetahuan semasa menyiapkan laporan tahun akhir ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa juga yang terlibat dalam membantu saya menyiapkan laporan ini. Segala pertolongan anda semua akan menerima balasan yang baik daripada Allah hendaknya. Amin.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Kajian ini menilai projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang terhadap sosioekonomi peladang di daerah Kuantan. Analisis Diskriptif dan model regresi digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, ia melibatkan empat pembolehubah bebas iaitu keuntungan atau prestasi projek perladangan sebagai pembolehubah bersandar, tiga pembolehubah bebas iaitu jumlah modal saham, nilai projek perladangan dan nilai khidmat kejenteraan ladang. Kajian menunjukkan sebelum ini sektor pertanian telah diabaikan dan kurang diberi perhatian tetapi realiti sebenarnya sektor pertanian mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan melalui kepelbagaiannya yang terdapat dalam sektor ini. Sektor pertanian mampu meningkatkan kadar pertumbuhan dalam jangka panjang bagi sesebuah negara berasaskan pengetahuan yang dimiliki oleh negara tersebut contohnya dari segi kepakaran dalam teknologi bioteknologi. Penggubal dasar dalam sesebuah negara berkecenderungan menggubal polisi bagi meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pertanian. Di akhir kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan sektor pertanian.

**Kata kunci :** Keuntungan atau prestasi projek perladangan, jumlah modal saham, nilai projek pertanian, nilai khidmat kejenteraan ladang.

## ***ABSTRACT***

*This study investigates the impact of Pahang State Farmers Association project to the farmer's socioeconomic in Kuantan. Analysis descriptive and regression model have been used in this paper. There are four variables in this paper that are profit or plantation project performance as a dependent variable and three independent variables which comprises the are amount of share capital, value agricultural project and service value farm's mechanization. Research showed previously agriculture sector had been neglected and not given enough attention but matter of fact reality agriculture sector having high potency to be developed through diversity resides in this sector. Non-traditional agriculture requires investment in infrastructure and knowledge and therefore, that it the potential to increase the economic growth rates. Policy makers in developing countries, such as Malaysia tend to develop the macroeconomic policies to enhance the manufacturing sector especially related to the agricultural sector. Finally, some suggestions have been identified to increase the performance of agricultural sector in Malaysia.*

***Key words:*** Profit or plantation project performance, amount of share capital, value agricultural project and service value farm's mechanization.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	3
1.3    Senario Sektor Pertanian Negara	7
1.4    Rancangan Malaysia Kesembilan	9
1.5    Prestasi Sektor Pertanian di Malaysia	10
1.6    Prestasi Sektor Pertanian di Daerah Kuantan, Pahang	12
1.7    Permasalahan Kajian	15
1.8    Objektif Kajian	18
1.8.1    Objektif Umum	18
1.8.2    Objektif Khusus	18
1.9    Skop Kajian	19
1.10    Kepentingan Kajian	20
1.11    Organisasi Kajian	21

## **BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	23
2.2	Sorotan Kajian	24
2.3	Kesimpulan	37

## **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	38
3.2	Rangka Kerja	39
3.2.1	Rangka Kerja Penyelidikan	39
3.2.2	Rangka Kerja Teoritikal	41
3.3	Kajian Lapangan	42
3.3.1	Sampel	43
3.3.2	Teknik Pengumpulan Data	43
3.3.2.1	Data Primer	43
3.3.2.2	Data Sekunder	45
3.4	Analisis Data	45
3.4.1	Diskriptif	45
3.4.2	Model Regresi	46
3.4.2.1	Model Regresi Berbilang	46
3.4.2.2	Pembolehubah	47
3.5	Analisis Model Regresi	49
3.5.1	Hipotesis	49
3.5.2	R square	51
3.5.3	Ujian Signifikan	51
3.5.4	Pengujian F (ANOVA)	52
3.5.5	Ujian Durbin-Watson	53
3.6	Kesimpulan	53

## **BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisis Diskriptif	54
4.2.1	Demografi Responden Kakitangan Pengurusan PASFA	55
4.2.1.1	Jantina	55
4.2.1.2	Bangsa	56
4.2.1.3	Umur	57
4.2.1.4	Taraf Pekahwinan	58
4.2.1.5	Tahap Pendidikan	59
4.2.1.6	Jumlah Isi Rumah	60
4.2.1.7	Pendapatan Bulanan	61
4.2.1.8	Jawatan Responden	62
4.2.1.9	Tempoh Perkhidmatan Responden	63
4.2.1.10	Kakitangan Pengurusan PASFA	64
4.2.1.10.1	Faktor-faktor Yang Menggalakkan Peladang Terlibat Dengan Projek-projek PASFA.	65
4.2.1.10.2	Aktiviti-aktiviti Yang Memberi Sumber Kewangan Utama PASFA	67
4.2.1.10.3	Kebaikan Pelaksanaan Projek-projek PASFA	69
4.2.1.10.4	Kelemahan Akibat Pelaksanaan Projek-projek PASFA.	71
4.2.1.10.5	Masalah Yang Timbul Akibat Menguruskan Projek-projek PASFA.	73
4.2.1.10.6	Harapan Responden Terhadap Projek-projek PASFA.	76
4.2.2	Demografi Responden Ahli Atau Peladang PASFA	78
4.2.2.1	Jantina	78
4.2.2.2	Bangsa	79
4.2.2.3	Umur	80
4.2.2.4	Taraf Perkahwinan	81
4.2.2.5	Tahap Pendidikan	82
4.2.2.6	Jenis Pekerjaan	83
4.2.2.7	Pendapatan Bulanan	84
4.2.2.8	Jumlah Isi Rumah	85
4.2.2.9	Ahli Atau Peladang PASFA	86
4.2.2.9.1	Faktor Yang Mempengaruhi Peladang Menjadi Ahli	87
4.2.2.9.2	Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli PASFA	88
4.2.2.9.3	Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA	89

4.2.2.9.4	Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Diterima Oleh Responden	90
4.2.2.9.5	Tiada Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA	92
4.2.2.9.6	Masalah-masalah Yang Timbul Sebelum Responden Terlibat Dengan Projek PASFA	93
4.2.2.9.7	Kesan-kesan Yang Timbul Selepas Berurusan Dengan Pihak PASFA	95
4.2.2.9.8	Masalah-masalah Yang Timbul Semasa Berurusan Dengan Pihak PASFA	97
4.2.2.9.9	Peranan Pihak Swasta dan Kerajaan Bagi Mengatasi Masalah Yang Timbul Akibat Projek Pertubuhan PASFA.	99
4.2.2.9.10	Pendapat Responden Bagi Meningkatkan Prestasi Kemajuan Sektor Pertanian Di Daerah Kuantan	100
4.2.3	<b>Analisis Crosstabs</b>	101
4.2.3.1	Analisis Hubungan Antara Jenis Pekerjaan Dan Tahap Pendidikan.	101
4.2.3.2	Analisis Hubungan Antara Pendapatan Responden Setelah Menjadi Ahli Dan Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA.	102
4.3	<b>Analisis Hasil Regresi</b>	104
4.3.1	<b>Analisis Model Regresi Berbilang</b>	104
4.3.1.1	Ujian R Square	105
4.3.1.2	Ujian Coefficient	105
4.3.1.3	Ujian Signifikan	106
4.3.1.4	Ujian F (ANOVA)	107
4.3.1.5	Ujian Durbin-Watson	108
4.4	<b>Kesimpulan</b>	109

## **BAB 5 IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	110
5.2	Rumusan Kajian	110
5.3	Implikasi Dasar	114
5.4	Isu Dan Cabaran	118
5.5	Cadangan Untuk meningkatkan Produktiviti Sektor Pertanian	121
5.5.1	Pembangunan Produk Baru Dan Industri Masa Depan	122
5.5.2	Pengurangan Penggunaan Buruh	124
5.5.3	Memaksimumkan Penggunaan Tanah	124
5.5.4	Meningkatkan Pendapatan Ladang	125
5.5.5	Memberi Insentif Kepada Sektor Swasta	125
5.5.6	Pengeluaran Benih Bermutu Tinggi	126
5.5.7	Meningkatkan Penggunaan Teknologi Terkini	126
5.5.8	Mewujudkan Pejabat Konsular Pertanian Di Luar Negara	127
5.6	Kesimpulan	128
	<b>RUJUKAN</b>	<b>130</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>133</b>

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1 Senarai Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Negeri Pahang	5
1.2 Prestasi Sektor Pertanian Di Malaysia	11
1.3 Guna Tenaga Dan Nilai Ditambah Setiap Tenaga Kerja Dalam Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian, 2000-2010.	16
4.1 Faktor-faktor Yang Menggalakkan Peladang Terlibat Dengan Projek-projek PASFA	65
4.2 Aktiviti-aktiviti Yang Memberi Sumbangan Kewangan Utama PASFA	67
4.3 Kebaikan Pelaksanaan Projek-projek PASFA	69
4.4 Kelemahan Akibat Pelaksanaan Projek-projek PASFA	71
4.5 Masalah Yang Timbul Akibat Menguruskan Projek-projek PASFA	73
4.6 Harapan Responden Terhadap Projek-projek PASFA	76
4.7 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Peladang Menjadi Ahli PASFA	87
4.8 Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Diterima Oleh Responden	90
4.9 Masalah-masalah Yang Timbul Sebelum Responden Terlibat Dengan Projek PASFA.	93
4.10 Kesan-kesan Yang Timbul Selepas Responden Terlibat Dengan Projek PASFA	95
4.11 Masalah-masalah Yang Timbul Semasa Berurusan Dengan Pihak PASFA	97
4.12 Peranan Pihak Swasta Dan Kerajaan Bagi Mengatasi Masalah Yang Timbul Akibat Projek Perladangan PASFA	99
4.13 Hubungan Antara Jenis Pekerjaan Dan Tahap Pendidikan	101
4.14 Hubungan Antara Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli Dan Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA	102
4.15 Hasil Keputusan Regresi Berbilang	104

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1 Peta Daerah Kuantan	6
3.1 Rangka Kerja Penyelidikan	39
3.2 Rangka Kerja Teoritikal	41
3.3 Pengujian Hipotesis	50
4.1 Jantina Responden	55
4.2 Bangsa Responden	56
4.3 Umur Responden	57
4.4 Taraf Perkahwinan Responden	58
4.5 Tahap Pendidikan Responden	59
4.6 Jumlah Tanggungan Responden	60
4.7 Pendapatan Bulanan Responden	61
4.8 Jawatan Responden	62
4.9 Tempoh Perkhidmatan Responden	63
4.10 Jantina Responden	78
4.11 Bangsa Responden	79
4.12 Umur Responden	80
4.13 Taraf Perkahwinan Responden	81
4.14 Tahap Pendidikan Responden	82
4.15 Jenis Pekerjaan Responden	83
4.16 Pendapatan Bulanan Responden	84
4.17 Jumlah Tanggungan Responden	85
4.18 Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli PASFA	88
4.19 Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA	89
4.20 Tiada Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA.	92

## **SENARAI SINGKATAN PERKATAAN**

DPN	Dasar Pertanian Negara
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LKNP	Lembaga Kemajuan Negeri Pahang
LKPP	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
OLS	Kaedah Kuasa Dua Terkecil
PASFA	Pertubuhan Peladang Negeri Pahang
PPN	Pertubuhan Peladang Negeri
PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
RRJP 3	Rangka Janga Panjang Tiga
R <sup>2</sup>	R Square
SPSS	Statistical Package for the Social Science
TKI	Tenaga Kerja Indonesia
TBKP	Tabung Bantuan Kemalangan Peladang
UMT	Universiti Malaysia Terengganu

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), sektor pertanian yang meliputi subsektor perikanan dan penternakan dijangka kekal sebagai penyumbang kepada ekonomi negeri Pahang dengan sumbangan sebanyak RM 1,866 juta atau kira-kira 20 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Pahang sebanyak RM 9,501 juta. Nilai KDNK negeri Pahang dalam sektor pertanian dijangka meningkat menjelang tahun 2020 iaitu sebanyak RM 4,555 juta. Di bawah RMKe-9, teras utama pembangunan sektor pertanian adalah untuk meningkatkan tahap pengeluaran makanan domestik bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan yang semakin meningkat setiap tahun.

Sektor pertanian disasarkan menjadi satu sumber pertumbuhan yang penting dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Tiga (RRJP 3). Sebahagian besar daripada pertumbuhannya dijangka memperolehi peningkatan ketara dalam aktiviti tanaman untuk perindustrian, pengeluaran makanan dan sumbangan daripada aktiviti baru. Bagi mencapai matlamat tersebut, usaha perlu ditumpukan kepada penyusunan semula dan pemodenan sektor pertanian supaya lebih dinamik dan berdaya saing. Pembangunan pertanian dipandu oleh Dasar Pertanian Negara Ketiga merangkumi tempoh 1998 hingga 2010 menumpu kepada pendekatan berdasarkan keluaran yang didorong oleh pasaran dan pendekatan perhutanan untuk meningkatkan produktiviti dan

daya saing dunia. Pembangunan kumpulan tanaman untuk perindustrian, perhutanan dan keluasan berasaskan kayu terus digalakkan dan disokong oleh pembangunan sumber manusia. Teras pembangunan bagi kumpulan ini akan menumpu kepada penyusunan semula dan pemodenan industri melalui peningkatan penggunaan dan pengkomersilan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan kegunaan alternatif seperti bahan-bahan api daripada minyak sawit dan penubuhan pasaran khusus bagi keluaran tertentu. Sektor pertanian akan dipelbagaikan lagi dengan penanaman tanaman berpotensi yang lain serta spesis pokok terpilih secara perladangan. Selain itu, usaha akan terus ditingkatkan melalui mekanisasi dan pengeluaran makanan secara komersial dan berskala besar serta penglibatan dalam industri hiliran seperti dalam sektor perikanan. Perladangan satelit akan diperkenalkan melalui pengwujudan lebih banyak kawasan pengeluaran makanan berhampiran bandar utama dan bandar raya.

Tanah adalah aset yang penting dalam aktiviti pertanian. Oleh itu, penggunaan tanah yang maksimum dapat memberi banyak faedah. Penggunaan tanah ditingkatkan melalui pendekatan pertanian dan perhutanan yang menyepadukan aktiviti pertanian dan perhutanan supaya tanah tidak terbiar dan menjadikan lebih produktif dan berkesan. Pelaksanaan sistem bersepadu tanaman dan ternakan juga dapat membantu pekebun kecil dan pemilik ladang dengan memaksimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan pengeluaran makanan serta mereka memperoleh peningkatan pendapatan. Peningkatan dalam pengeluaran komoditi pertanian dicapai melalui faedah yang diperolehi daripada peningkatan produktiviti dalam kawasan sedia ada berbanding dengan keluasan kawasan tanaman. Di samping itu, pembangunan in-situ melalui penyatuan dan pemuliharaan tanah dilaksanakan secara komersial dan berdasarkan pertanian berkelompok.

Bagi mempercepatkan pemodenan sektor pertanian, penyediaan khidmat sokongan termasuk R&D, pemasaran khidmat pengembangan, latihan dan kemudahan kredit akan diperkuuhkan lagi. Penekanan yang lebih akan diberikan terhadap peningkatan pengendalian sebelum dan selepas tuai hasil pertanian seperti menggredkan hasil ladang dan memperbaiki sistem penyimpanan, pengangkutan dan pemasaran untuk

memaksimumkan pulangan daripada sektor pertanian. Usaha R&D dipergiatkan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan terutamanya bagi mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan mutu keluaran dan pemasaran, meningkatkan penggunaan teknologi, penjimatan buruh serta memperluaskan penggunaan akhir. Kerjasama dalam R&D melibatkan agensi awam dan swasta digalakkan bagi memudahkan pengkomersilan penemuan penyelidikan. Bagi mendapatkan pasaran khusus, pendekatan yang inovatif diguna pakai seperti mewujudkan zon khas bagi memudahkan pembangunan keluaran khusus yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Pendekatan ini menyokong pembangunan industri baru dalam bidang makanan, herba, keluaran istimewa daripada sumber semulajadi, florikultur dan bioteknologi.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembangunan pertanian di negeri Pahang dapat dikaji melalui satu badan berkanun iaitu Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Pertubuhan Peladang Negeri Pahang atau dikenali sebagai PASFA telah ditubuh secara rasmi pada 12 Ogos 1971 melalui Akta Persatuan Peladang 1967. Di awal penubuhannya, PASFA dikenali sebagai Persatuan Peladang Negeri Pahang. Ianya didaftar dan diselia secara langsung oleh Jabatan Pertanian negeri Pahang. Pada tahun 1973, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Akta 110) dan Akta Pertubuhan Peladang (Akta 109) telah digubal. Dengan perubahan tersebut PASFA telah didaftar semula dan dikenali sebagai Pertubuhan Peladang Negeri Pahang. Pendaftaran baru telah disempurnakan pada 17 Disember 1984 dengan nombor pendaftaran PPN 09.

PASFA menjalankan beberapa jenis aktiviti seperti aktiviti asas, penyerapan, sokongan dan “*Evergreen*”. Terdapat enam aktiviti asas iaitu Ladang Sawit, Pembangunan Tanah Terbiar, Perdagangan Program Perkhidmatan Rakyat Termiskin

(PPRT) Komersial, Pengeluaran Makanan, Khidmat Kejenteraan Ladang dan Perniagaan Input Pertanian. Manakala, aktiviti penyerapan melibatkan beberapa aktiviti seperti Agensi Pengurusan Ladang, Kontrak Perladangan, Perkhidmatan Insurans, Perkhidmatan Tenaga Kerja Indonesia (TKI), Kilang Sawit dan Ternakan Integrasi. Empat aktiviti sokongan ialah Agensi Pembangunan Ladang, Nurseri Komersial, Pemasaran Komoditi dan Pemasaran Hasil Ladang. Akhir sekali, aktiviti “*Evergreen*” seperti Subsidi Jentera dan Pendidikan.

Selain itu, PASFA mempunyai tiga anak syarikatnya iaitu Peladang Ekslusif (M) Sdn.Bhd, PASFA Ternak Sdn.Bhd dan PASFA Bersih Sdn.Bhd. Ketiga-tiganya mempunyai fungsi yang berlainan yang diuruskan mengikut bahagian masing-masing. Anak syarikat ini beroperasi di sekitar bandar Kuantan yang terletak di premis yang berlainan supaya mudah untuk berurus. Ketiga-tiga anak syarikat ini adalah milik bersama PASFA dan 20 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Aktiviti utama Peladang Ekslusif (M) ialah melibatkan perladangan kelapa sawit. Manakala, PASFA Bersih Sdn.Bhd bergiat cergas di dalam bidang pencucian dan pembersihan untuk pejabat dan premis kediaman, pembekalan kimia pencucian dan kontrak seni taman. PASFA Ternak Sdn.Bhd pula bergiat cergas dalam industri ternakan.

Secara amnya, PASFA dianggotai oleh 20 PPK yang mewakili lebih daripada 43,710 orang petani di seluruh negeri Pahang. PASFA mempunyai modal dibenar yang berjumlah RM 50 juta mewakili 1,000,000 unit saham yang bernilai RM 50.00 tiap-tiap satu. Modal berbayar berjumlah RM 1,706,661.81 dan setiap ahli dikehendaki menambah sekurang-kurangnya 50 unit saham yang bernilai RM 250.00 untuk setiap tahun. Penglibatan 20 PPK membolehkan perkembangan berlaku dalam sektor pertanian.  
(Rujuk Jadual 1.1)


**JADUAL 1.1: Senarai Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) negeri Pahang**

<b>BILANGAN</b>	<b>NAMA PERTUBUHAN PELADANG KAWSAN ( PPK )</b>
1	ROMPIN
2	RAUB
3	TEMERLOH
4	SRI KERDAU
5	KUANTAN
6	CAMERON HIGHLANDS
7	PEKAN
8	JERANTUT
9	BENTONG
10	TEMERLOH BARAT
11	KUALA LIPIS
12	BERA
13	MARAN
14	PULAU TAWAR
15	BENTA
16	TEMBELING
17	MERAPOH
18	PELANGAI
19	TIOMAN
20	KUANTAN UTARA

(Sumber: Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PASFA, 2007)

Secara keseluruhannya, PASFA merupakan agensi pertanian di negeri Pahang yang diurus oleh pegawai dan kakitangan kerajaan. PASFA ditubuhkan melalui sebuah pertubuhan yang dinamik dan progresif dan bertekad bergerak membawa bersama paradigma baru dalam sektor pertanian dan berpegang teguh kepada teras pembangunan bagi meninggikan taraf ekonomi dan sosial. PASFA bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan, membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu.

RAJAH 1.1: Peta Daerah Kuantan



(Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Pahang, 2004)

### **1.3 SENARIO SEKTOR PERTANIAN NEGARA**

Malaysia selepas kemerdekaan terkenal sebagai sebuah negara pertanian. Aktiviti ekonomi negara selepas kemerdekaan bergantung kepada dua sektor utama iaitu sektor pertanian dan perlombongan. Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 1957 ialah sebanyak 46 peratus. Keadaan ini telah berubah pada tahun 2003 di mana sumbangan sektor pertanian kepada KDNK hanya 8.45 peratus. Bilangan pekerja sektor pertanian pada tahun 1966 ialah 80.3 peratus daripada keseluruhan jumlah pekerjaan berbanding dengan 15.3 peratus untuk tahun 2000. Manakala, pada tahun 2005 peratus guna tenaga dalam sektor pertanian ialah 13.3 peratus dan jangkaan pada tahun 2010 ialah 10.9 peratus.

Kerajaan mewujudkan tiga Dasar Pertanian Negara untuk memajukan sektor pertanian :-

- i) Dasar Pertanian Negara Pertama (1984-1991)
- ii) Dasar Pertanian Negara Kedua (1992-1997)
- iii) Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010)

Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) dilaksanakan pada tahun 1984 dengan memberi penekanan kepada dasar perkembangan yang mengutamakan tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko. Dengan kedudukan tanah dan tenaga buruh pertanian yang baik, melalui DPN1, kerajaan telah melabur dengan banyak di dalam pembangunan infrastruktur, pembangunan in-situ dan pembukaan tanah-tanah baru bagi memajukan dua tanaman tersebut.

Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada usaha meningkatkan produktiviti, kecekapan dan persaingan dalam sektor pertanian negara. Tanaman ladang seperti kelapa sawit diberi perhatian pada tempoh tersebut dengan melaksanakan pelbagai usaha seperti meluaskan kawasan

penanamannya. Pelaksanaan DPN2 dibuat setelah mengambilkira masalah kekangan tanah, tenaga buruh yang kian tua dan produktiviti yang rendah. Oleh itu, perubahan dilakukan dengan mengubah penumpuan kepada usaha pembangunan pertanian ke arah menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. DPN2 telah membawa pembaharuan dari segi memajukan industri asas tani. Ini adalah selaras dengan strategi perindustrian dan Pelan Induk Perindustrian Pertama dan Kedua. Strategi Pelan Induk Perindustrian Pertama dan Kedua mengenai penyusunan semula struktur galakan perindustrian yang sedia ada, mempelbagaikan eksport dan memperluaskan kegiatan industri ke kawasan-kawasan kurang maju. Selain itu, dasar tersebut menggalakkan penyelidikan dan pembangunan oleh pihak swasta dan awam, menggalakkan industri berat bagi menjadi penggerak perkembangan industri baru dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil. Penumpuan ke atas pembangunan industri asas tani adalah untuk mengeksplotasi faedah berbanding dan pasaran “niche” untuk menambah peluang-peluang pekerjaan, menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui peningkatan produktiviti dan untuk menambah hasil pertukaran asing negara.

Namun demikian, kos pengimportan bahan-bahan makanan yang tinggi dan liberalisasi perdagangan di bawah rangka kerja “*Asean Free Trade Areas*” (AFTA) dan “*World Trade Organization*” (WTO) serta masalah krisis kewangan pada tahun 1997 telah mendorong penilaian semula terhadap DPN2. Selain itu, sektor pertanian negara juga mengalami perubahan struktur yang ketara dari segi kekurangan tenaga buruh, kadar upah yang meningkat berbanding produktiviti pekerja dan sumber tanah dan air yang semakin terhad disebabkan persaingan kegunaannya dengan sektor perindustrian, perumahan dan perbandaran.

Pada tahun 1999, kerajaan telah melancarkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dalam menentukan halatuju pembangunan sektor pertanian negara. Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menetapkan sasaran supaya mencapai lebihan dalamimbangan perdagangan makanan menjelang tahun 2010 melalui *Pelan Tindakan BOT (Balance Of Trade)*. Hal ini kerana masih wujud persepsi bahawa

sektor pertanian mundur dan memberi pulangan yang kurang berbanding sektor lain. Pada tahun 2004, defisit negara dalamimbangan perdagangan makanan ialah sebanyak RM 4.3 bilion. Jika defisit ini dibiarkan dan tiada tindakan diambil oleh pihak kerajaan adalah dijangka defisit ini terus meningkat ke tahap lebih tinggi lagi. Pelan Tindakan BOT menggariskan sasaran serta tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan defisit dalamimbangan perdagangan makanan dan mencapai lebihan menjelang tahun 2010.

#### **1.4 RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMKe-9) (2006-2010)**

Dalam RMKe-9, Teras Tiga menjelaskan mengenai memperkasakan pertanian dan industri berdasarkan pertanian. Dalam tempoh rancangan tersebut, teras dasar sektor pertanian secara keseluruhannya akan ditumpukan kepada usaha mengorientasikan semula sektor ini ke arah pengkomersilan yang lebih meluas dan melahirkan petani berpendapatan tinggi serta menggalakkan pelaburan sektor swasta yang lebih besar termasuk pelaburan asing. Sehubungan itu, teras dasar adalah seperti berikut :-

- i. Meningkatkan pengeluaran pertanian termasuk penerokaan sumber pertumbuhan baru dengan penyertaan sektor swasta yang lebih besar.
- ii. Mengembangkan aktiviti pemprosesan berdasarkan pertanian dan kepelbagai produk.
- iii. Memperkuuhkan pemasaran dan rangkaian global
- iv. Meningkatkan pendapatan pekebun kecil, petani dan nelayan.
- v. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.

Dalam tempoh rancangan, program pertanian ditumpukan kepada menukar amalan pertanian tradisional kepada perladangan moden dan komersial bagi meningkatkan pendapatan, produktiviti dan daya saing petani. Dalam hubungan ini, usaha dipergiatkan bagi mengalakkan usahawan tani, petani dan pekebun kecil terutamanya di kalangan Bumiputera untuk menggunakan pakai amalan pertanian yang baru dan pengurusan ladang secara moden dan meningkatkan kejenteraan.

Dalam tempoh RMKe-9, sektor pertanian mula dipergiat semula untuk menjadi jentera pertumbuhan ketiga. Penekanan diberikan kepada pertanian baru yang merangkumi pertanian komersial berskala besar dan penglibatan dalam aktiviti penambahan nilai dan berkualiti tinggi. Oleh hal demikian, dasar dan strategik yang khusus perlu dilaksanakan supaya sektor pertanian menjadi sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing termasuk aktiviti berkaitan pemprosesan berdasarkan pertanian dan pembangunan usahawan tani.

## **1.5 PRESTASI SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA**

Dalam tempoh RMKe-8, sektor pertanian menggunakan teknologi baru, pengeluaran komersil berskala besar, sistem pelaksanaan berkelompok yang meluas serta pasaran dan harga komoditi yang lebih baik dan memberi kesan yang positif kepada ekonomi Malaysia iaitu mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi dari segi pengeluaran, nilai ditambah dan eksport.

Sektor pertanian negara telah mengalami peningkatan daripada tahun 2001 hingga tahun 2006 tetapi sumbangan sektor pertanian berkurang sedikit daripada RM 5,474.67 juta kepada RM 4,951.97 juta. Walau bagaimanapun, jumlah nilai sektor pertanian meningkat daripada RM 4,951.97 juta pada tahun 2005 kepada RM 5,584.32 juta pada tahun 2006. (Rujuk Jadual 1.2)

**JADUAL 1.2 : Prestasi Sektor Pertanian di Malaysia (2001-2006)**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>NILAI ( RM JUTA )</b>	<b>PERATUS PERUBAHAN (%)</b>
2001	36,659	2,308.48	-
2002	37,071	3,229.37	39.89
2003	43,506	3,698.21	14.52
2004	53,906	5,474.67	48.04
2005	51,868	4,951.97	-9.55
2006	50,723	5,584.32	12.77

(Sumber : Jabatan Pertanian, 2006)

## **1.6 PRESTASI SEKTOR PERTANIAN DI DAERAH KUANTAN, PAHANG**

Prestasi sektor pertanian di daerah Kuantan dapat dilihat melalui penglibatan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) dalam projek-projek perladangan di daerah tersebut. PASFA memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pertanian yang moden, dinamik dan berdaya saing serta mengatasi isu-isu kritikal dalam sektor pertanian di daerah Kuantan.

Pelaksanaan projek boleh dibahagikan kepada empat sektor iaitu sektor perladangan, sektor perkhidmatan, sektor pelaburan dan sektor pengeluaran dan perniagaan. Sektor-sektor ini banyak menyumbang kepada prestasi sektor pertanian di daerah Kuantan. Sektor perladangan menjadi sektor utama bagi PASFA dan melibatkan beberapa aktiviti seperti Ladang Sawit, Program Pembangunan Tanah Terbiar, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Agensi Pembangunan Ladang, Agensi Pengurusan Ladang, Nurseri Sawit Komersial dan Projek Integrasi Ternakan Lembu dalam Ladang Sawit. Manakala, sektor perkhidmatan dijalankan bertujuan membantu ahli-ahli yang terlibat dengan aktiviti PASFA bagi memperbaiki taraf ekonomi mereka. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Khidmat Kejenteraan Ladang, Perkhidmatan Sokongan, Sektor Pelaburan, Sektor Pengeluaran dan Perniagaan. Dalam Khidmat Kejenteraan Ladang, PASFA memiliki kemudahan kejenteraan seperti trektor dan jentuai. Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan kerja pembajakan bagi aktiviti pertanian dan menuai padi. Perkhidmatan sokongan bertujuan memenuhi keperluan ahli dalam menyediakan perkhidmatan insurans dan pengurusan Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Kedua-dua perkhidmatan ini dapat memenuhi keperluan dan mengatasi masalah pekerja ladang. Manakala, sektor pelaburan melibatkan aktiviti pelaburan yang merupakan strategi jangka panjang dalam meningkatkan pemilikan harta dan sumber pendapatan. Pelaburan utama dibuat dalam harta tetap khasnya pemilikan harta dalam anak syarikat. Pemilikan harta melibatkan harta yang dimiliki oleh PASFA. Pemilikan harta adalah seperti pendapatan sewa wisma puriwirawan, sewa bangunan tiga tingkat

dan sewa bangunan empat tingkat. Pendapatan yang diperolehi oleh pemilikan harta merupakan salah satu sumbangan kepada PASFA. Sektor pengeluaran dan perniagaan pula bertujuan menyokong usaha pertanian ahli. Dua aktiviti utama yang perlu diberi perhatian ialah pembekalan input pertanian dan pemasaran komoditi.

PASFA juga menjalankan aktiviti sosial bagi menjaga kebajikan masyarakat di daerah Kuantan. Antara aktiviti sosial ialah Program Subsidi Kejenteraan dan Peralatan Ladang, Tabung Bantuan Kemalangan Peladang, Bantuan Pengurusan Ahli, Bantuan Aktiviti Sosial dan Kemasyarakatan Ahli dan Hadiah Kecermerlangan Pendidikan Anak Ahli.

Berdasarkan aktiviti sosial-ekonomi, pada tahun 2006 melalui Tabung Bantuan Kemalangan Peladang (TBKP) seramai 154 ahli dan keluarga ahli telah dibantu dengan sumbangan berjumlah RM 32,320. Semenjak TBKP ditubuhkan pada tahun 1977, seramai 996 ahli telah mendapat manfaat dengan jumlah sumbangan sebanyak RM 266,920. Di bawah Program Subsidi Kejenteraan Ladang Kerajaan Negeri Pahang yang disalurkan melalui PASFA, seramai 446 orang telah mendapat manfaat dengan peruntukan sebanyak RM 500,000 dalam tahun 2006. Semenjak program ini diwujudkan mulai tahun 1999 seramai 3,574 peladang, penternak dan nelayan telah menerima subsidi yang berjumlah RM 5.17 juta.

Manakala, dalam program kebajikan, pendidikan dan pemajuan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) menunjukkan PASFA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM 5,300 kepada setiap PPK dalam tahun 2006 untuk aktiviti kebajikan, pendidikan dan pemajuan ahli PPK masing-masing. PPK yang tidak mempunyai dana kumpulan wang bagi aktiviti kebajikan dan pendidikan, dapat memanfaatkan peruntukan ini bagi meneruskan aktiviti tersebut kepada ahli-ahlinya tetapi apabila PPK telah mempunyai dana kumpulan wang, sumbangan ini dapat digunakan untuk menambahkan atau mempertingkatkan lagi aktiviti tersebut supaya lebih ramai ahli mendapat manfaat. Melalui sumbangan sebanyak RM 106 ribu, Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PASFA yakin

sebahagian besar ahli PPK mendapat faedah daripada aktiviti kebajikan, pendidikan dan pemajuan yang dilaksanakan oleh PPK sepanjang tahun 2006.

Projek PPRT Bukit Gayong merupakan salah satu Projek Pembangunan Jangka Panjang yang mempunyai keluasan 1,618 hektar dan seluas 1,363 hektar ditanam dengan kelapa sawit pada tahun 2006. Baki seluas 255 hektar adalah tanah berbukit tinggi dan curam yang mana tidak sesuai untuk tanaman sawit. Sehingga akhir tahun 2006 sejumlah RM 6.5 juta telah dibelanjakan bagi pembangunan projek ini. Projek ini mengeluarkan hasil sepenuhnya pada pertengahan tahun 2008. Sebagai menepati matlamat projek integrasi, ternakan lembu pedaging dijangka akan dimulakan pada tahun 2009 dengan peruntukan RM 5.0 juta. Sehingga akhir 2006, PASFA telah membangunkan sebanyak 15 kawasan dengan jumlah keluasan 1,413 hektar melibatkan 699 orang pemilik. Sehingga kini, PASFA telah membelanjakan sejumlah RM 10.2 juta untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut. Projek ini dijalankan secara usahasama dengan pembahagian keuntungan bersih pada kadar 60 peratus PASFA dan 40 peratus pemilik. (Rujuk Lampiran 2).

Kesimpulannya, PASFA dapat meneruskan kecemerlangan prestasi melalui peningkatan kualiti pengurusan bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan sama ada projek sambungan atau projek baru. PASFA meningkatkan gandingan pergerakan dengan PPK supaya lebih banyak aktiviti dapat dilaksanakan dan ini memberi manfaat kepada ahli-ahli. Malah, PASFA dan PPK berusaha memantapkan lagi hubungan strategik yang ada supaya setiap aktiviti huluan dan hiliran dapat dirancang dan dilaksanakan secara lebih tersusun supaya ahli-ahlinya mendapat perkhidmatan terbaik.

## **1.7 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kekurangan modal, pengetahuan, infrastruktur pertanian, dan aplikasi teknologi moden dalam kegiatan pertanian menyebabkan sektor ini kurang daya pengeluaran dan mengakibatkan tingkat pendapatan petani dan peladang semakin jatuh. Keadaan ini memberi kesan kepada ekonomi negeri Pahang.

Masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian kini ialah saiz ladang yang berskala kecil dan tidak ekonomik. Saiz tanah yang tidak ekonomik menyebabkan produktiviti keluaran pertanian berkurang dan kos pengeluaran yang tinggi untuk mengusahakannya. Kajian yang dijalankan mendapati 65 peratus pesawah padi mengusahakan sawah yang bersaiz kurang dari satu hektar. Hal ini menyebabkan wujudnya persepsi negatif oleh pelabur-pelabur bahawa sektor pertanian mundur dan memberi pulangan yang kurang berbanding sektor lain. Malah, usaha untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiasa terhalang oleh beberapa kekangan terutamanya tuan tanah yang tidak dapat dikesan, tuan dan petani yang berusia lanjut dan tanah yang mempunyai ramai pemilik.

Sektor pertanian di daerah Kuantan, Pahang mengalami masalah pengangguran. Di samping itu, terdapat kekurangan tenaga buruh yang mendesak menyebabkan ramai pekerja asing dibawa masuk. Hal ini kerana ramai tenaga buruh bekerja di sektor-sektor lain. Di antara tahun 2001-2003 sahaja, seramai 19,343 buruh asing tambahan telah diambil bekerja dalam sektor pertanian dan sektor perladangan. Masalah ini dapat dilihat dalam guna tenaga sektor pertanian yang mengalami penguncupan pada kadar purata 0.2 peratus setahun kepada 1.4 juta pada tahun 2005. (Rujuk Jadual 1.3)

JADUAL 1.3: Guna Tenaga dan Nilai Ditambah Setiap Tenaga Kerja Dalam Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian, 2000-2010

	2000	2005	2010	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				RMKe-8		Sasaran
				Sasaran	Pencapaian	RMKe-9
<b>Guna Tenaga Pertanian</b>						
Bilangan ('000)	1,423.0	1,405.7	1,323.8	-1.4	-0.2	-1.2
% daripada Jumlah Guna Tenaga	15.3	13.3	10.9			
Nilai Ditambah Setiap Tenaga Kerja	13,115	15,752	21,299	4.5	3.7	6.2
<b>Guna Tenaga Industri</b>						
Berasaskan Pertanian						
Bilangan ('000)	844.0	981.9	1,110.2		3.1	2.5
% daripada Jumlah Guna Tenaga	9.1	9.3	9.1			
Nilai Ditambah Setiap Tenaga Kerja	16,107	17,002	19,688		1.1	3.0
(RM pada tahun 1987)						
<b>Jumlah Pertanian dan Industri</b>						
	3,267	2,387.6	2,434.0		1.0	0.4
<b>Berasaskan Pertanian</b>						
% daripada Jumlah Guna Tenaga	24.4	21.9	20.3			

(Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi, 2006)

Selain itu, masyarakat di daerah Kuantan, Pahang masih lagi menggunakan cara corak tanaman secara tradisional. Penggunaan input pertanian moden sangat terbatas, dan alat-alat pertanian yang digunakan masih tradisional. Semua ini menyebabkan daya keluaran sektor pertanian tersebut masih sangat rendah dan merupakan faktor penting yang menimbulkan pendapatan rendah dan masalah kemiskinan yang semakin meluas.

Menyedari keadaan seperti ini, beberapa ahli ekonomi mengembangkan teori “*vicious circle*”. Teori ini menggambarkan kesukaran yang dihadapi sesebuah negara miskin untuk mencipta pembangunan. Secara ringkas, asas pandangan teori ini adalah negara miskin menyebabkan pendapatan negara tersebut rendah dan tidak mampu meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Akibatnya tidak terdapat insentif bagi mengembangkan kegiatan ekonomi moden kerana (1) pasaran terbatas akibat pendapatan yang rendah, dan (2) tabungan terbatas hingga tidak dapat membiayai projek-projek yang akan dikembangkan. Oleh itu, keadaan ini boleh diaplikasikan terhadap keberkesanan projek perladangan yang dilaksanakan oleh PASFA sehingga menimbulkan impak positif atau negatif kepada peladang.

Seterusnya, keadaan ini menimbulkan persoalan seperti jika projek perladangan dilaksanakan, Adakah kebijakan peladang dapat dijaga? Adakah pelaksanaan projek perladangan dapat membangunkan sosioekonomi masyarakat di daerah Kuantan, Pahang? Adakah pelaksanaan projek peladang menyebabkan berlakunya peningkatan penggunaan teknologi? dan Adakah berlaku kecekapan dan keberkesanan guna tenaga apabila pelaksanaan projek perladangan dilaksanakan?

## **1.8    OBJEKTIF KAJIAN**

### **1.8.1    Objektif Umum**

Menganalisis impak pelaksanaan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang terhadap sosioekonomi peladang di daerah Kuantan, Pahang.

### **1.8.2    Objektif Khusus**

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong para petani melibatkan diri dalam projek PASFA.
- ii. Mengkaji prestasi kemajuan sektor pertanian PASFA di daerah Kuantan.
- iii. Mengkaji impak pelaksanaan projek terhadap kebijakan di kalangan peladang yang terlibat dengan PASFA di daerah Kuantan, Pahang.
- iv. Menganalisis peranan pihak swasta serta kerajaan bagi mengatasi masalah yang timbul akibat projek perladangan PASFA di daerah Kuantan, Pahang.

## **1.9 SKOP KAJIAN**

Skop bagi kajian ini meliputi kajian kesan Projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang kepada sosioekonomi peladang di daerah Kuantan. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji impak yang diperolehi oleh peladang akibat penglibatan mereka dalam sesuatu projek perladangan dan masalah yang dihadapi oleh mereka semasa penglibatan mereka dalam projek tersebut.

Skop kajian adalah tertumpu kepada daerah Kuantan, Pahang di mana kawasan ahli-ahli yang terlibat dengan projek PASFA seperti Felda Bukit Goh, Sungai Lembing dan Kampung Mahkota, Kuantan. Perolehan data kajian adalah melalui kaedah kajian literature, kajian soal selidik dan kerja lapangan.

Kajian ini melibatkan beberapa kawasan seperti Felda Bukit Goh dan Sungai Lembing di daerah Kuantan, Pahang. Kawasan-kawasan ini diberikan Borang Soal Selidik A yang perlu diisi oleh peladang. Selain itu, terdapat Borang Soal Selidik B yang perlu diisi oleh kakitangan pengurusan. Dua set borang soal selidik perlu dilengkapkan bagi menjawab objektif kajian.

## **1.10 KEPENTINGAN KAJIAN**

Matlamat kajian ialah untuk mengkaji dan menganalisis impak pelaksanaan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang kepada sosioekonomi peladang.

Kepentingan kajian ini adalah mengkaji kesan daripada penglibatan peladang dalam projek PASFA misalnya dari segi penggunaan tenaga buruh, teknologi, infrastruktur, pendidikan, modal dan pembangunan kawasan tersebut. Daripada kajian ini, pihak Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) dapat mengetahui sejauh mana projek yang telah dijalankan di organisasi tersebut berjaya dilaksanakan. Apabila mengetahui tahap kejayaan projek yang dilakukan, pihak PASFA dapat mengambil langkah-langkah yang perlu agar dapat memperbanyakkan lagi projek bagi membantu masyarakat di daerah Kuantan.

Selain itu, masyarakat atau peladang di daerah Kuantan juga dapat menikmati dan memperolehi faedah hasil daripada kajian ini. Hal ini kerana, masyarakat atau peladang dapat membuat persepsi sendiri terhadap projek yang dilaksanakan oleh PASFA melalui pemerhatian sewaktu meminta mengisi borang soal selidik.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat, jika ingin melaksanakan projek perladangan khususnya dalam meningkatkan sosioekonomi peladang. Malah, hasil kajian ini berguna kepada individu yang terlibat dalam bidang pertanian dan yang berhasrat untuk membuat kajian tentang keberkesanan projek-projek perladangan yang bukan sahaja ingin mendapat keuntungan tetapi juga menjaga kebijakan peladang dari segi sosioekonomi.

## **1.11 ORGANISASI KAJIAN**

Penulisan kertas projek ini akan diorganisasikan di dalam lima bab utama iaitu:

Bab 1 berkenaan dengan Pengenalan. Bab ini membincangkan mengenai pendahuluan, latar belakang kajian, senario sektor pertanian negara, Rancangan Malaysia ke-Sembilan, prestasi sektor pertanian di Malaysia dan prestasi pertanian di daerah Kuantan, Pahang. Di samping itu, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian diketengahkan untuk melancarkan perjalanan kajian.

Bab 2 pula merujuk kepada Sorotan Kajian. Justeru, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendiakawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian dijalankan. Sorotan kajian adalah rumusan daripada semua jurnal, buku-buku dan majalah-majalah yang berkaitan dengan projek perladangan memberi impak sosioekonomi kepada peladang.

Bab 3 menerangkan Metodologi Kajian. Bab ini mempunyai dua bahagian, iaitu sumber data dan analisis data. Sumber data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan program “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS). Bab ini juga menggunakan gambaran secara diskriptif crosstabs dan model regresi berbilang.

Bab 4 pula merujuk kepada Keputusan Kajian. Hasil keputusan keseluruhan kajian dengan menggunakan pelbagai ujian. Setiap keputusan akan dihuraikan dengan jelas serta dipersembahkan dalam bentuk graf, rajah dan jadual.

Bab 5 merupakan bab terakhir di dalam kajian ini iaitu Implikasi Dasar dan Rumusan Kajian. Bab ini akan merumuskan hasil kajian serta membincangkan polisi, dasar dan cadangan berdasarkan kepada kajian ini agar dapat mengatasi masalah yang wujud terutamanya menerusi persepsi peladang terhadap keberkesanan dan kecekapan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang terhadap peladang di daerah Kuantan, Pahang

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam sesuatu kajian, sorotan kajian-kajian lepas perlu diambil kira bagi mengetahui hasil keputusan kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian lepas amat penting bagi membolehkan sesuatu kajian itu dapat dilakukan dengan lebih baik dan sempurna. Kajian lepas dapat menjelaskan impak pelaksanaan projek perladangan terhadap sosioekonomi peladang. Bab ini membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu.

## 2.2 SOROTAN KAJIAN

Menurut **Carl E. Pray (1983)**, peranan sektor swasta dalam sektor pertanian memberi impak terhadap pembangunan teknologi. Kerajaan juga memainkan peranan dalam menyediakan insentif-insentif dalam aktiviti pertanian supaya berdaya maju.

Kajian ini membuat perbandingan keberkesanan fungsi sektor swasta dan kerajaan dalam membangunkan bidang pertanian. Oleh itu, wujud beberapa persoalan iaitu Adakah seharusnya kerajaan memberi galakkan penyertaan sektor swasta dalam sektor pertanian? Adakah sektor swasta lebih cekap dalam inovasi teknologi berbanding sektor awam? Adakah sektor swasta lebih cekap berbanding sektor swasta dalam sektor pertanian? Apakah kos sosial yang membolehkan sektor swasta memainkan peranan penting dalam penyelidikan pertanian? Namun hasil kajian menunjukkan sektor swasta memainkan peranan penting terutama dalam teknologi penyelidikan. Peningkatan penggunaan teknologi penyelidikan menyebabkan berlakunya pembangunan di sesebuah kawasan. Hasil kajian menunjukkan peningkatan teknologi penyelidikan oleh sektor swasta disebabkan oleh pemodenan pertanian iaitu berlaku penambahan dalam pasaran terutama dalam faktor-faktor pengeluaran.

Aktiviti-aktiviti pertanian yang dilakukan oleh sektor swasta dapat meningkatkan kecekapan dari segi pengeluaran pertanian. Walau bagaimanapun, kerjasama antara sektor swasta dan awam dalam sesuatu program pertanian membolehkan wujudnya institusi penyelidikan pertanian. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan sektor swasta memainkan peranan penting dalam penyelidikan pertanian dan memberi impak kepada pasaran yang lebih luas.

**Romeo M. Bautista (1986)** mengkaji kesan peningkatan produktiviti pertanian terhadap Filipina dengan menggunakan Analisis Kuantitatif. Kajian ini menyatakan peningkatan dalam produktiviti sektor pengeluaran pertanian menyebabkan imbangan perdagangan dan pendapatan negara meningkat.

Sektor pertanian memberi kepentingan terhadap negara-negara membangun seperti peningkatan daya pengeluaran pertanian, pendapatan luar bandar dan pertumbuhan ekonomi. Di Filipina, import terhadap pengeluaran pertanian adalah rendah. Ini kerana Filipina mengutamakan aktiviti-aktiviti pertanian dan aktiviti pertanian merupakan salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Analisis empikal menunjukkan bahawa produktiviti pertanian meningkat di Filipina dengan menggunakan Analisis Kuantitatif. Dalam analisis empikal, Model Multisektor digunakan. Analisis ini menunjukkan perhubungan mengenai pengeluaran, penggunaan, perdagangan dan pekerjaan dalam sektor pertanian. Selain itu, Sistem Perakaunan digunakan dalam kajian ini untuk menganggar kesan daya pengeluaran pertanian terhadap ekonomi di Filipina. Hasil kajian mendapati peningkatan daya pengeluaran dapat meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar di Filipina.

Malah, kajian ini menggunakan Fungsi Pengeluaran Cobb-Douglas terhadap modal dan buruh dimana modal dan buruh merupakan input berubah dan teknologi pengeluaran adalah input tetap. Hasil kajian melalui Fungsi Pengeluaran Cobb-Douglas menunjukkan berlaku peningkatan permintaan buruh akibat keuntungan maksimum yang diperolehi daripada pengeluaran.

Secara keseluruhannya, peningkatan daya pengeluaran pertanian menyebabkan berlaku pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan masyarakat luar bandar.

**Neil Schaller (1993)** menyatakan kemampuan pertanian merupakan satu persekitaran yang baik, produktif dan berdaya maju dan memberi kesan terhadap ekonomi dan sosioekonomi penduduk. Kajian ini membincangkan dua isu iaitu keuntungan kemampuan pertanian dan pengeluaran makanan yang cukup dalam kemampuan pertanian.

Kajian ini juga menjelaskan, jika sektor pertanian mengamalkan teknologi dengan cekap, keadaan ini dapat mengurangkan impak yang tidak diingini seperti kesan terhadap alam sekitar. Pertanian dapat memelihara sumber asli, melindungi alam sekitar, meningkatkan keselamatan dan kesihatan orang awam serta kuantiti makanan yang mencukupi bagi petani.

Pertanian dapat memelihara sumber asli dan melindungi alam sekitar. Secara umumnya, kemampuan pertanian merupakan satu alternatif untuk industri dan pertanian konvensional. Penggunaan teknologi dalam sektor pertanian memberi kesan terhadap alam sekitar, kesihatan dan keselamatan masyarakat. Oleh itu, penggunaan teknologi memberi kesan terhadap sosioekonomi masyarakat. Penggunaan teknologi juga dapat meningkatkan kos tetapi memperolehi hasil pendapatan yang tinggi. Secara keseluruhannya, penggunaan teknologi memberi impak positif dalam sektor pertanian. Kajian ini membuktikan wujud kemampuan pertanian dalam kesejahteraan penduduk luar bandar dan wujud hubungan penduduk luar bandar dan bandar dalam kemampuan pertanian.

Kajian yang dibuat oleh **Mario Grampietro (1997)** mengenai perubahan teknologi dalam sektor pertanian. Penggunaan teknologi memberi kesan terhadap sosioekonomi dan ekosistem dalam pengeluaran pertanian. Kajian ini juga membuat perbandingan penggunaan teknologi moden dengan penggunaan alatan tradisional. Hasil kajian mendapati penggunaan alatan tradisional menyebabkan pulangan rendah berbanding dengan teknologi moden iaitu mencapai pulangan yang maksimum.

Kajian ini menggunakan Analisis Kos dan Faedah (Wolf dan Allen,1995) bagi memastikan biodiversiti kekal untuk generasi akan datang. Oleh itu, penggunaan Analisis Kos dan Faedah juga dapat melihat kesan yang wujud dalam sektor pertanian terhadap pembangunan ekonomi dan langkah-langkah mengatasi kesan negatif yang timbul.

Selain itu, pembangunan teknologi dalam sektor pertanian dapat dilihat melalui analisis Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan jumlah pekerja dalam sektor pertanian. Kajian ini menggunakan data daripada sumber dunia daripada tahun 1994 hingga tahun 1995 (World Resources Institute,1994) dengan merujuk tahun 1990 dan 1991 serta mengambilkira sampel 60 buah negara di dunia. Kajian ini menggunakan analisis statistik dan hasil kajian menunjukkan berlaku pengurangan jumlah buruh dalam sektor pertanian apabila KDNK per kapita meningkat. Ini jelas menunjukkan berlaku pembangunan teknologi dalam sektor pertanian.

Transformasi pertanian berkait rapat dengan proses pembangunan. Ini kerana apabila berlaku kemajuan dalam sektor pertanian menyebabkan berlaku pembangunan. Sektor pertanian dapat ditingkatkan jika terdapat kombinasi penggunaan teknologi, modal dan sumber asli. Kajian ini juga menunjukkan apabila berlaku peningkatan dalam produktiviti pertanian menyebabkan berlaku peningkatan dalam daya pengeluaran pertanian dan seterusnya memberi impak terhadap peningkatan sosioekonomi penduduk. Kesimpulan, jelas menunjukkan kemajuan pertanian disebabkan penggunaan teknologi dan wujud hubungan yang positif antara pembangunan ekonomi dengan produktiviti pertanian.

Kajian yang dibuat oleh **Kenji Fukuda (2003)** mengenai hubungan antara tenaga buruh, sumber tenaga dan ekonomi sebenar secara teori. Dalam kajian ini melihat aktiviti-aktiviti pertanian memberi impak terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Isu yang dibincangkan dalam kajian ini ialah peranan tenaga dalam sistem pasaran ekonomi seperti produktiviti barang dan buruh.

Analisis empikal menunjukkan pembahagian kerja dalam sektor pertanian membolehkan berlaku peningkatan produktiviti. Malah, penggunaan teknologi pertanian seperti jentera membolehkan produktiviti dalam pertanian meningkat dan merupakan daya gerak utama peningkatan KDNK. Selain itu, kajian ini menggunakan Fungsi Pengeluaran Cobb-Douglas untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi inovasi teknologi, kemajuan produktiviti dan kecekapan dalam sektor pertanian. Penggunaan Fungsi Pengeluaran Cobb-Douglas menunjukkan faktor yang mempengaruhi penentu-penentu tersebut ialah tenaga buruh, sumber tenaga dan teknologi.

Secara keseluruhannya, tujuan kajian ini adalah untuk melihat peranan penting sumber tenaga dalam sektor pertanian. Penggunaan sumber tenaga seperti tenaga buruh mempunyai nilai sumber asli yang tinggi terhadap sektor pertanian.

Mengikut kajian yang dibuat oleh **Dirk Bezemer dan Derek Headey (2007)**, pembangunan pertanian membawa perubahan terhadap pertumbuhan ekonomi, kemiskinan masyarakat dan struktur ekonomi. Pelaburan dalam sektor pertanian menyebabkan berlaku pembangunan negara terutamanya infrastruktur, kesihatan, teknologi dan pendidikan luar bandar. Kajian ini menunjukkan pertumbuhan pertanian memberi impak terhadap pembangunan ekonomi, pengurangan kemiskinan dan kestabilan politik. Selain itu, daya pengeluaran pertanian melahirkan kemahiran yang luas dan mencipta peluang pekerjaan.

Analisis empikal menunjukkan bahawa pertumbuhan dalam sektor pertanian mempunyai hubungan yang kuat dengan semua sektor lain dan memberi kesan terhadap pertumbuhan agregat. Pertumbuhan sektor pertanian bergantung kepada input-input pengeluaran, jumlah pekerjaan, corak penggunaan, tingkat pendapatan dan polisi.

Kajian ini menggunakan analisis ekonometrik iaitu Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS). OLS digunakan untuk menentukan sama ada wujud hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita dan pembolehubah bersandar ialah populasi, kekurangan tanah dan produktiviti buruh pertanian. KDNK per kapita digunakan untuk mengawal peningkatan infrastruktur dalam tahap pembangunan. Penggunaan OLS dapat menunjukkan wujud hubungan negatif di antara KDNK per kapita dengan penduduk, kekurangan tanah dan produktiviti buruh pertanian.

Secara keseluruhannya, pertanian memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pengurangan kemiskinan.

**Xiangzheng Deng, Jikun Huang, Scott Rozelle dan Emi Uchida (2007)** pula mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengembangan negara China.

Kajian ini menggunakan Model Bandar Monocentric yang menghubungkan keluasan tanah pertanian dengan pembolehubah yang mempengaruhi pengembangan negara China iaitu jumlah penduduk, kos pengangkutan dan nilai tanah untuk sektor pertanian. Data pembolehubah tersebut diperolehi daripada pangkalan data penggunaan tanah oleh masyarakat China di Akademik Sains dengan menggunakan data siri masa. Selain itu, kajian ini juga mengambil data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada Laporan Tahunan Statistik Sosioekonomi bagi tahun 1995 hingga 2000. Data ini digunakan untuk melihat keupayaan pelaburan dalam sektor pertanian di negara China. Peningkatan dalam pelaburan pertanian merupakan faktor yang menyebabkan berlaku pertumbuhan ekonomi di negara China. Peningkatan pelaburan dalam sektor pertanian di negara China kerana berlaku peningkatan produktiviti dalam sektor pertanian dan pasaran tanah yang tinggi yang boleh dijadikan modal dalam penyewaan tanah.

Analisis empikal menunjukkan wujud dua isu utama dalam analisis ini iaitu penentu-penentu pengembangan bandar di China dengan menggunakan Model Ekonometrik. Model Ekonometrik dibawah dapat menunjukkan penentu-penentu pengembangan bandar.

$$\text{URBAN LAND AREA} = f(\text{GDP}, \text{POPULATION}, \text{LAND VALUE}, \\ \text{TRANSPORTATION COSTS})$$

Berdasarkan model diatas, urban land area merujuk kepada kawasan tanah bandar, population ialah jumlah penduduk, land value pula merujuk kepada nilai tanah untuk pertanian dan transportation costs ialah kos pengangkutan.

Hasil kajian ini menunjukkan pembolehubah tersebut adalah signifikan dan wujud hubungan positif dengan pembangunan di negara China serta hubungan ini dapat dilihat secara deskriptif. Secara keseluruhannya, berlaku pengembangan di negara China disebabkan oleh pembolehubah-pembolehubah seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), jumlah penduduk, kos pengangkutan dan nilai tanah pertanian.

Kajian yang dibuat oleh **Jan Borner, Arisbe Mendoza dan Stephen A. Vosti (2007)** mendapati sektor pertanian mempengaruhi ekosistem dan kemiskinan luar bandar masyarakat Brazil.

Mereka mendapati pengurusan tanah dalam sektor pertanian memberi kesan terhadap pendapatan isi rumah petani di mana berlaku pertambahan pendapatan pekebun kecil. Kemiskinan luar bandar dapat dikurangkan melalui penglibatan masyarakat dalam sektor pertanian dan memberi impak terhadap kesihatan, pendidikan dan perumahan.

Kajian ini menggunakan data primer daripada masyarakat kawasan Bragantina, Brazil. Data ini digunakan untuk melihat sistem pengeluaran yang digunakan oleh petani dan memberi impak terhadap sektor pertanian, pendapatan dan peluang pekerjaan. Penggunaan sistem ini mendorong petani-petani menguruskan tanah mereka dan seterusnya menjana perkhidmatan ekosistem. Data yang diperolehi menyokong Analisis Sistem Guna Tanah (Land Use System Analysis) dimana data tersebut dikutip daripada 270 buah isi rumah sepanjang tahun 2002 dan 2003.

Analisis Sistem Guna Tanah digunakan untuk mengukur penggunaan tanah yang sesuai dengan perkhidmatan ekosistem dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani misalnya masalah pengangguran, pendapatan dan keperluan keselamatan makanan. Analisis ini juga dikaitkan dengan Net Present Value (NPV) terhadap peluang pekerjaan buruh apabila bersamaan dengan sifar. Penggunaan analisis ini dapat melahirkan buruh yang berkemahiran.

Selain itu, kajian ini menunjukkan wujud penggunaan teknologi dalam sektor pertanian dan memberi kesan terhadap jumlah dan kualiti perkhidmatan ekosistem serta dapat mengurangkan kemiskinan luar bandar. Pengkaji-pengkaji ini juga mengemukakan langkah-langkah bagi mengurangkan kemiskinan luar bandar misalnya penyediaan jentera pertanian kepada petani-petani di mana kos-kos tersebut disubsidi dan melaksanakan satu dasar persekutuan di mana petani-petani perlu mengekalkan keluasan tanah mereka untuk menjalankan aktiviti pertanian. Kemiskinan luar bandar dapat dikurangkan melalui polisi, peraturan guna tenaga, produk baru, teknologi baru dan secara tidak langsung memberi impak kepada sosioekonomi penduduk.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan berlakunya penurunan kadar kemiskinan dan berlaku pertambahan pengaliran perkhidmatan ekosistem. Pengkaji ini menyatakan jika tidak menggunakan teknologi menyebabkan pengurangan pendapatan dan wujudnya masalah alam sekitar.

Kajian yang dibuat oleh **Mariapia Mendola (2007)** mengenai impak penggunaan teknologi pertanian terhadap masyarakat luar bandar Bangladesh. Penggunaan teknologi moden menyebabkan berlaku peningkatan pendapatan, wujud peluang pekerjaan dan kemiskinan masyarakat luar bandar dapat dikurangkan. Oleh itu, pengurangan kemiskinan masyarakat luar bandar Bangladesh menyumbang kepada pembangunan pertanian. (Datt dan Ravallion, 1996).

Analisis empirikal menunjukkan wujud hubungan kolerasi positif antara penggunaan teknologi dengan pendapatan isi rumah. Selain itu, wujud hubungan kolerasi yang tinggi di antara pemilikan tanah dengan pendapatan isi rumah. Ini kerana kajian ini mendapati isi rumah yang mempunyai pemilikan sendiri tanah dan saiz tanah yang luas mempunyai pendapatan yang tinggi akibat berlaku peningkatan dalam penggunaan teknologi.

Kajian ini menggunakan analisis ekonometrik iaitu Kaedah Kua Dua Terkecil (OLS). Kaedah ini digunakan untuk melihat kesan penggunaan teknologi terhadap pendapatan masyarakat luar bandar Bangladesh. Dalam kajian ini menganggarkan pembolehubah teknologi merupakan pembolehubah endogenus dan pembolehubah pendapatan merupakan pembolehubah eksogenus. Malah, pengkaji ini juga menggunakan Analisis P-score untuk melihat kesan penggunaan teknologi terhadap pendapatan.

Manakala, data yang diperolehi dalam kajian ini ialah data primer iaitu melalui borang soal selidik yang dijalankan oleh Institusi Kajian Pembangunan pada tahun 1994 dan 1995. Seramai 3800 masyarakat luar bandar di soal selidik mengenai impak penggunaan teknologi terhadap pengeluaran pertanian. Oleh itu, kajian ini mendapati penggunaan teknologi memberi kesan terhadap sosioekonomi masyarakat Bangladesh. Hubungan antara penggunaan teknologi dan kemiskinan luar bandar secara teori mengalami masalah. Ini kerana penggunaan teknologi memerlukan kos yang tinggi sedangkan masyarakat luar bandar mengalami peningkatan kemiskinan tetapi pengkaji ini

menyatakan teknologi, pemilikan tanah dan ciri-ciri demografi merupakan penentu utama pendapatan masyarakat luar bandar dan ini berdasarkan data yang diperolehi.

Secara keseluruhannya berdasarkan statistik, penggunaan teknologi dapat mengurangkan kebarangkalian kemiskinan petani-petani kecil dan sederhana tetapi jika tidak wujud penggunaan teknologi menyebabkan jurang pendapatan antara petani adalah besar. Oleh itu, wujud hubungan langsung antara penggunaan teknologi pertanian terhadap pendapatan petani.

Kajian yang dibuat oleh **Xinshen Diao dan Alejandro Nin Pratt (2007)** mengenai kepentingan sektor pertanian terhadap pertumbuhan ekonomi Ethiopia dan pengurangan kemiskinan masyarakat Ethiopia. Kajian ini juga mendedahkan bahawa pertanian memainkan peranan utama dalam pengurangan kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi di Ethiopia.

Kajian ini menyatakan kerajaan Ethiopia mengalami pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kemiskinan masyarakat luar bandar melalui aktiviti pertanian. Sebanyak 85 peratus masyarakat luar bandar mengamalkan aktiviti pertanian sebagai aktiviti utama. Selain itu, pelaburan dalam sektor pertanian memberi kesan yang besar terhadap pertumbuhan pertanian dan pengurangan kemiskinan.

Data dalam kajian ini diperolehi daripada kajian mengenai pendapatan isi rumah, Kajian Tahunan Kebangsaan dan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Data ini digunakan untuk melihat hubungan antara aktiviti pertanian, pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kemiskinan. Hasil kajian menunjukkan aktiviti pertanian dan pertumbuhan ekonomi berupaya menyumbang kepada pengurangan kemiskinan serta berlakunya kemajuan dalam tahap pendidikan.

Kajian ini juga menunjukkan penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi kerajaan Ethiopia. Ini kerana penggunaan teknologi moden boleh menghasilkan produktiviti. Oleh itu, wujud hubungan antara pertumbuhan ekonomi dan kadar kemiskinan dimana apabila pertumbuhan ekonomi meningkat menyebabkan kadar kemiskinan menurun dan apabila pertumbuhan ekonomi menurun menyebabkan kadar kemiskinan meningkat.

Secara keseluruhannya, strategi pertumbuhan pertanian yang seimbang dapat dicapai melalui pelaburan dalam sektor pertanian. Pertumbuhan pertanian memberi kesan terhadap pendapatan, pendidikan, pengurangan kemiskinan dan infrastruktur di Ethiopia.

**Joachim Von Brain dan Charles Valentine Riley (2008)** mengkaji mengenai pelaburan dalam sektor pertanian antarabangsa serta pembangunan dan penyelidikan (R&D). Isu yang dibincangkan dalam kajian ini ialah pertanian. Pertanian merupakan elemen yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun terutama dalam keselamatan makanan.

Visi Charles Valentine Riley (2008) menjelaskan kemajuan pertanian melalui pengetahuan pada masa sekarang. Visi ini menunjukkan polisi baru, perdagangan dan perkhidmatan luar bandar diperlukan pada peringkat negara dan antarabangsa bagi memastikan berlaku pertumbuhan mapan dalam sektor pertanian.

Kajian ini memperolehi data berbentuk tahunan yang merangkumi sumber data daripada negara-negara membangun bagi tahun 1985 hingga 2005 dalam perdagangan antarabangsa (FOA 2008). Data ini menunjukkan berlaku pertambahan dalam produk pertanian dan ini jelas membuktikan sektor pertanian merupakan sektor yang global serta memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi. Selain itu, peningkatan pengeluaran pertanian disebabkan oleh permintaan domestik bertambah maka kajian ini menunjukkan negara-negara membangun menjadi pasaran import utama untuk komoditi pertanian dan memberi impak utama terhadap negara-negara membangun.

Pada masa sekarang, negara-negara membangun dalam sektor pertanian adalah produktif dan mapan. Ini kerana, pertanian merupakan cabang tenaga, infrastruktur, pendidikan dan perkhidmatan dan keadaan ini bergantung kepada amalan-amalan penanaman, teknologi serta keselamatan perdagangan. Walau bagaimanapun, sektor pertanian pada masa sekarang mengalami masalah dan kekurangan penyertaan daripada pelabur-pelabur dan ini menjelaskan sektor pertanian. Oleh itu, teknologi pertanian memerlukan modal yang banyak supaya dapat memberi kesan terhadap pendidikan, infrastruktur dan perkhidmatan.

Berdasarkan **Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) (2006)**, sektor pertanian akan diberi nafas baru untuk menjadi tunggak ketiga pertumbuhan ekonomi melalui program “Pertanian Baru” yang menumpukan kepada usaha meningkatkan nilai rantaian serta meneroka aktiviti berdasarkan pertanian yang mempunyai nilai rantaian.

Kajian oleh **Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar (1988)** menjelaskan pembangunan sosial dan institusi mempunyai pertalian yang rapat dengan proses pemodenan sektor pertanian, kerana pembangunan ini mempercepatkan dan memudahkan perubahan sikap, penerimaan teknologi serta penyertaan masyarakat tani secara aktif dalam proses pembangunan. Dalam hal ini usaha-usaha akan dibuat untuk memberi dorongan memupuk semangat berdikari dan saling bantu membantu antara satu sama lain di kalangan petani-petani melalui latihan dan pembangunan institusi peladang yang berkesan.

Kajian oleh **Mahathir bin Mohamad (1994)** menjelaskan amalan pertanian harus dimodenkan agar pengeluaran dan pendapatan para peladang dan petani meningkat. Pemodenan pertanian bermula dengan perubahan sikap terhadap amalan pertanian itu sendiri. Sikap mahu memajukan diri sendiri dan bekerjasama merupakan asas kejayaan amalan pertanian moden. Penggunaan teknologi pertanian seperti benih baru bermutu, alat jentera, baja dan racun serangga dan lain-lain bahan memerlukan disiplin yang ketat dan penglibatan dan kerjasama semua peladang dan petani. Adalah menjadi hasrat

kerajaan agar pertanian moden dijadikan sebagai asas pembangunan luar bandar. Oleh itu, hasrat yang murni ini dapat dicapai dengan adanya perancangan yang lengkap dan teratur daripada pihak kerajaan, kerjasama yang erat daripada sektor swasta dan penerimaan serta penglibatan sepenuhnya daripada pihak petani dan peladang.

Laporan **Lembaga Pertubuhan Peladang (2005)**, penggunaan tanah untuk sektor pertanian di negara Malaysia perlu diselaraskan dengan hasil yang dikeluarkan. Tidak semestinya pengeluaran hasil yang tinggi memerlukan penggunaan tanah yang luas. Telah terbukti bahawa hasil pertanian dapat ditingkatkan dengan teknologi terkini walaupun penggunaan tanah untuk mengusahakannya terhad. (Laporan Mesyuarat Lembaga Pertubuhan Peladang, 2005)

Laporan **Jabatan Penerangan Malaysia (2008)**, pertanian sebagai satu perniagaan. Ini kerana sektor pertanian menguntungkan dan menjamin masa depan dimana sektor pertanian menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dari segi taraf hidup rakyat, pendapatan penduduk dan memodenkan sektor pertanian dengan menggunakan teknologi baru. Selain itu, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dapat meningkatkan produktiviti.

## **2.3 KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan di atas, didapati aktiviti sektor pertanian banyak memberi impak kepada sosioekonomi petani, penternak, peladang dan sebagainya. Kebanyakannya sektor pertanian memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi, pendapatan, infrastruktur, pendidikan dan sebagainya. Kerjasama sektor swasta dan kerajaan penting dalam memastikan pembangunan bidang terbabit seiring arus transformasinya. Justeru, pembangunan infrastruktur pertanian diberi keutamaan bagi memastikan pengusaha dapat memaksimumkan hasil yang diperoleh dan bergerak ke arah menjadi usahawan tani yang berjaya dan profesional.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**


#### **3.1 PENGENALAN**

Penggunaan metodologi yang sesuai harus dipilih untuk mencapai objektif kajian. Metodologi digunakan untuk memperolehi keputusan kajian secara terperinci dan mendalam bagi memahami kajian yang dijalankan. Dalam bab ini, aspek metodologi diperjelaskan dengan teliti dalam usaha menghasilkan kajian yang sempurna.

## 3.2 RANGKA KERJA

### 3.2.1 Rangka Kerja Penyelidikan


RAJAH 3.1: Rangka Kerja Penyelidikan



Rangka kerja penyelidikan menjelaskan proses kerja untuk menjalankan sesuatu kajian. Pertama sekali, perlu memilih satu tajuk yang bersesuaian dengan masalah kajian dan mewujudkan objektif kajian yang sesuai. Seterusnya, ulasan karya amat penting bagi membolehkan sesuatu kajian itu dapat dilakukan dengan lebih baik dan sempurna. Selain itu, metodologi digunakan untuk menganalisis kajian secara terperinci dan mendalam bagi mencapai objektif kajian. Dalam proses analisis, sumber data perlu dikumpulkan dengan tepat supaya dapat menghasilkan keputusan kajian dan memberi cadangan kepada kerajaan dan masyarakat supaya dapat mengatasi masalah kajian.

### 3.2.2 Rangka Kerja Teoritikal

RAJAH 3.2: Rangka Kerja Teoritikal



Rangka Kerja Teoritikal menunjukkan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam metodologi. Pertama sekali, sumber data yang digunakan dalam kajian perlu dikumpulkan sebelum menjalankan analisis data. Data yang diperolehi terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi melalui Borang Soal Selidik A dan Borang Soal Selidik B yang dijalankan di daerah Kuantan, Pahang. Bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 157 orang responden yang terdiri daripada golongan yang terlibat dengan Projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang dan kakitangan pengurusan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang. Manakala, data sekunder diperolehi daripada Laporan Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Data sekunder ini akan dianalisis dengan menggunakan Program “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS). Analisis data mengandungi model regresi berbilang dan diskriptif crosstabs.

### **3.3 KAJIAN LAPANGAN**

Kajian lapangan ini tertumpu kepada ahli-ahli yang terlibat dengan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Penerangan yang terperinci tentang kajian lapangan ini adalah seperti berikut:

### **3.3.1 Sampel**

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 157 orang responden yang terlibat dengan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang. Seramai 157 orang responden tersebut terdiri daripada 100 orang peladang dan 57 orang kakitangan PASFA yang menguruskan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang.

### **3.3.2 Teknik Pengumpulan Data**

#### **3.3.2.1 Data Primer**

Data primer dapat diperolehi melalui dua set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Pengumpulan data yang diperolehi daripada ahli atau peladang dan kakitangan PASFA akan memberi gambaran yang lebih tepat tentang impak projek tersebut kerana segala maklumat dan data diperolehi terus daripada ahli-ahli.

Dua set soal selidik dibentuk iaitu Borang Soal Selidik A dan Borang Soal Selidik B. Borang Soal Selidik A diisi oleh kakitangan pengurusan dan Borang Soal Selidik B diisi oleh peladang yang terlibat dengan projek PASFA. Borang Soal Selidik A dibentuk bagi mengkaji prestasi kemajuan sektor pertanian PASFA, di daerah Kuantan dan mengkaji masalah yang timbul semasa menguruskan projek yang diusahakan oleh PASFA. Manakala, Borang Soal Selidik B dibentuk bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong para petani melibatkan diri dengan projek PASFA, mengkaji masalah dan kesan yang timbul semasa berurusan dengan PASFA dan ingin menganalisis peranan

pihak swasta dan kerajaan bagi mengatasi masalah yang timbul akibat projek perladangan PASFA.

Borang Soal selidik A mempunyai lima bahagian. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, bangsa, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, jumlah pendapatan sebulan dan jumlah tangungan. Bahagian B mengenai faktor-faktor yang menggalakan peladang terlibat dengan PASFA dan Bahagian C pula ialah senarai aktiviti yang dijalankan oleh PASFA yang menjadi sumber kewangan utama PASFA. Bahagian D menjelaskan kebaikan dan kelemahan akibat pelaksanaan projek-projek PASFA. Seterusnya, Bahagian E pula berkenaan dengan masalah yang timbul ekoran daripada responden menguruskan projek-projek PASFA. Akhir sekali, Bahagian F ialah harapan responden terhadap projek-projek PASFA.

Manakala, terdapat lima bahagian dalam Borang Soal Selidik B yang dibentuk iaitu Bahagian A, B, C, D dan E. Dalam Bahagian A, penekanan diberi kepada soalan-soalan yang berkaitan latar belakang ahli atau peladang seperti jantina, bangsa, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, jumlah pendapatan sebulan dan jumlah tangungan. Bahagian B lebih fokus kepada perihal keahlian PASFA seperti faktor-faktor yang mempengaruhi responden menjadi ahli dan jenis perkhidmatan yang diperolehi. Bahagian B juga memberi tumpuan kepada masalah-masalah yang timbul sebelum terlibat dengan projek PASFA dan kesan-kesan yang timbul selepas responden terlibat dengan projek PASFA. Seterusnya Bahagian C membincangkan peranan masalah-masalah yang timbul semasa berurusan dengan pihak PASFA. Akhir sekali, Bahagian E merupakan cadangan responden bagi meningkatkan lagi prestasi kemajuan sektor pertanian di daerah Kuantan.

### **3.3.2.2 Data sekunder**

Kajian ini turut menggunakan data sekunder bagi menyokong dan menjadi panduan kajian. Data ini diperolehi daripada laporan bertulis dan bercetak iaitu daripada Laporan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Sumber kajian juga diperolehi daripada temubual dengan pengurus Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Korporat iaitu En. Hafizin bin Umar.

## **3.4 ANALISIS DATA**

### **3.4.1 Diskriptif**

Data yang dikumpulkan akan di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Analysis Package for the Social Science* (SPSS). Analisis ini banyak menggunakan pendekatan diskriptif dan *crosstabs*. Analisis diskriptif melibatkan data demografi sementara. Analisis *crosstabs* melihat kepada perkaitan yang wujud antara pembolehubah yang telah dipilih untuk mencapai objektif kajian. Analisis ini bertujuan untuk melihat jumlah darjah sokongan di antara dua atau lebih pembolehubah yang digunakan dan dapat menentukan sama ada sesuatu pembolehubah itu saling berkait atau tidak mempunyai perkaitan misalnya dalam Borang Soal Selidik B mengkaji analisis perhubungan di antara jenis pekerjaan dan tahap pendidikan responden. Selain itu, analisis perhubungan di antara pendapat responden setelah menjadi ahli dan penerimaan perkhidmatan daripada PASFA. Setiap perhubungan yang wujud akan dapat membuktikan kesahihan sesuatu maklumat yang dikaji.

### **3.4.2 Model Regresi**

#### **3.4.2.1 Model Regresi Berbilang**

Pengujian hipotesis akan menggunakan analisis regresi berbilang :-

$$\text{Rev}_t : \beta_0 + \beta_1 \text{Shm}_t + \beta_2 \text{Prjk}_t + \beta_3 \text{Jntr}_t + \xi$$

Dimana :-

Rev = Keuntungan @ prestasi projek perladangan (RM)

Shm = Jumlah modal saham (RM)

Prjk = Nilai projek pertanian (RM)

Jntr = Nilai khidmat kejenteraan ladang tahunan (RM)

$\xi$  = Ralat

Model regresi berbilang mengandungi empat pembolehubah iaitu satu pembolehubah bersandar dan tiga pembolehubah bebas. Analisis bertujuan menentukan pengaruh faktor-faktor seperti jumlah modal saham, nilai projek pertanian dan nilai khidmat kejenteraan ladang tahunan (pembolehubah bebas) terhadap prestasi projek perladangan (pembolehubah bersandar).

### **3.4.2.2 Pembolehubah**

#### **(a) Nilai jumlah modal saham (RM)**

PASFA mempunyai modal dibenar berjumlah RM 50 juta yang mewakili 1,000,000 unit saham yang bernilai RM 50 seunit. Sehingga kini saham berbayar berjumlah RM 1,99 juta yang mewakili 39,842 unit saham. Purata setiap ahli memiliki RM 99,600 saham berbayar yang mewakili 1,992 unit saham. Modal saham merupakan sumber kewangan dalaman Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Oleh itu, modal saham bertujuan untuk menentukan keuntungan yang diperolehi oleh PASFA.

#### **(b) Nilai projek pertanian (RM)**

Pembolehubah ini mengambil kira pelaburan yang dibuat dalam projek-projek pertanian. Projek yang dimaksudkan termasuklah projek-projek PASFA serta projek-projek usahasama dengan orang perseorangan atau pun organisasi-organisasi lain seperti Projek Semaian Komersial, Program Pembangunan Tanah Terbiar dan Program Pembekalan Input Bersepadu. Nilai projek pertanian ini melibatkan peladang yang menjadi responden. Program Pembangunan Tanah Terbiar dirancang khusus bertujuan memajukan tanah milik ahli. PASFA akan membantu peladang membangunkan tanah mereka dengan menanam pokok kelapa sawit. Manakala, Projek Semaian Komersil merupakan aktiviti pengeluaran benih sawit yang bertujuan membekal dan mengedarkan benih pokok kelapa sawit serta untuk mengusahakan ladang kelapa sawit. Program Pembekalan Input Pertanian pula bertujuan memenuhi keperluan ahli-ahli. Aktiviti ini membantu ahli mendapat bekalan input pertanian yang boleh diyakini pada harga yang kompetitif. Oleh

itu, projek pertanian banyak memberi kesan keatas keuntungan yang diperolehi oleh PASFA kerana penglibatan ahli dan bukan ahli yang ramai.

### **(c) Nilai khidmat kejenteraan ladang (RM)**

Program ini dilaksanakan bertujuan memberi kemudahan penggunaan jentera dan peralatan mekanisasi dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Selain itu, program ini dilaksanakan bertujuan menyokong dan membantu usaha ahli dalam meningkatkan penggunaan mekanisasi ladang. Nilai yang diambil kira ialah nilai perkhidmatan yang diberi oleh PASFA. Perkhidmatan ini meliputi semua pihak sama ada ahli dan bukan ahli. Khidmat kejenteraan ladang memberi kesan terhadap keuntungan atau prestasi projek perladangan kerana sehingga tahun 2005, seramai 2,168 orang yang yang terdiri daripada 1,820 orang peladang, 77 orang penternak dan 271 orang nelayan.

Pembolehubah tersebut dapat diukur dengan menggunakan data sekunder. Data sekunder ini diperolehi di organisasi Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Model regresi berbilang yang dibentuk dianggarkan dengan menggunakan kaedah Kuasa Dua Terkecil Biasa iaitu Ordinary Least Squares (OLS). Kaedah Kuasa Dua Terkecil merupakan penganggar terbaik bersifat linear dan tidak pincang iaitu "*Best Linear Unbiased Estimator*" (BLUE). Faktor-faktor ini juga akan dianalisis dengan menggunakan beberapa ujian yang bersesuaian dengan kajian ini.

## **3.5 Analisis Model Regresi**

### **3.5.1 Hipotesis**

Hipotesis dicadangkan untuk melihat sama ada hubungan antara pembolehubah bersandar iaitu keuntungan atau prestasi projek perladangan tahunan PASFA dengan pembolehubah bebas iaitu jumlah modal saham, nilai projek pertanian dan nilai khidmat kejenteraan ladang tahunan adalah signifikan atau tidak.

Berikut adalah hipotesis yang dibentuk :-

- Jumlah Modal Saham Terhadap Prestasi Projek Perladangan**

$$H_0 : \beta_1 = 0$$

(Jumlah modal saham adalah tidak mempengaruhi prestasi projek perladangan)

$$H_a : \beta_1 \neq 0$$

(Jumlah modal saham adalah mempengaruhi prestasi projek perladangan)

- Nilai Projek Pertanian Terhadap Prestasi Projek Perladangan**

$$H_0 : \beta_2 = 0$$

(Nilai projek pertanian adalah tidak mempengaruhi prestasi projek perladangan)

$$H_a : \beta_2 \neq 0$$

(Nilai projek pertanian adalah mempengaruhi prestasi projek perladangan)

- **Nilai Khidmat Kejenteraaan Ladang Terhadap Prestasi Projek Perladangan**


$$H_0 : \beta_3 = 0$$

(Nilai khidmat kejenteraaan ladang adalah tidak mempengaruhi prestasi projek perladangan)

$$H_a : \beta_3 \neq 0$$

(Nilai khidmat kejenteraaan ladang adalah mempengaruhi prestasi projek perladangan)

RAJAH 3.3: Pengujian Hipotesis



Rajah 3.3 menunjukkan pengujian hipotesis digunakan untuk mengetahui sama ada pembolehubah tersebut signifikan atau tidak. Hipotesis nol ( $H_0$ ) akan ditolak jika nilai genting berada dalam kawasan berlorek dan hipotesis nol ( $H_0$ ) tidak akan ditolak jika nilai genting terletak dalam linkungan -1.96 hingga 1.96.

### **3.5.2 R square ( $R^2$ )**

Selain itu, kaedah  $R^2$  atau pekali penentu berbilang juga akan digunakan dalam kajian ini. Pekali penentu regresi ( $R^2$ ) merupakan koefisien penentuan yang mengukur ketepatan bagi sesuatu model regresi. Pekali penentu regresi ( $R^2$ ) yang memberikan nilai yang baik ini akan digunakan sebagai gambaran atau nilai untuk menunjukkan bahawa model kajian ini adalah satu model yang baik dalam menjelaskan isu yang diperbincangkan. Selain itu,  $R^2$  digunakan untuk membuktikan data siri masa yang digunakan dalam kajian ini adalah tidak pegun atau pegun iaitu dengan membuat berbandingan dengan nilai Durbin-Watson misalnya apabila Durbin-Watson lebih kecil daripada  $R^2$  maka wujud kepegunan. Pengiraan  $R^2$  akan dilakukan dengan menggunakan program SPSS bagi memperoleh keputusan dengan cepat dan tepat.

### **3.5.3 Ujian Signifikan**

Ujian signifikan dijalankan untuk menguji nilai kesignifikanan pembolehubah yang digunakan dalam kajian. Nilai signifikan yang digunakan dalam kajian ini ialah pada aras keertian 10 peratus. Sekiranya nilai signifikan melebihi 0.1, hipotesis nol ( $H_0$ ) akan ditolak dan dapat menunjukkan tidak signifikan dalam pembolehubah tersebut di mana nilai signifikan kurang daripada nilai 0.1.

### 3.5.4 Pengujian F (ANOVA)

“Ujian-F” bertujuan melihat secara menyeluruh hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tak bersandar. Ujian ini juga akan menggunakan aras keertian satu peratus. Analisis ini digunakan untuk melihat sama ada keseluruhan persamaan regresi berbilang itu adalah signifikan atau pun tidak. Formula adalah seperti berikut:

$$F = \frac{R^2 / (k-1)}{(1-R^2) / (n-k)}$$

Di mana:

$k$  = bilangan parameter dalam model

$n$  = sampel

Hipotesis yang dilakukan untuk menguji kesignifikan secara serentak untuk semua pembolehubah bebas yang telah dikenalpasti.

$$H_0 : \beta_1 = \beta_2 = \beta_3 = 0$$

(Semua pembolehubah bebas tidak mempengaruhi pembolehubah bersandar)

$$H_1 : \beta_1 \neq \beta_2 \neq \beta_3 \neq 0$$

(Sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar)

### **3.5.5 Ujian Durbin-Watson**

Ujian Durbin-Watson merupakan satu penggunaan ujian yang diasaskan pada tatacara ujian yang dikemukakan oleh Durbin dan Watson (1950) di mana ujian ini dibina dengan andaian bahawa ralat rawak di dalam model dijanakan oleh proses autoregresi peringkat pertama dan dicerap pada selang masa yang sama. Ujian ini digunakan untuk menguji kewujudan autokorelasi. Ia menggunakan  $d$  untuk dibandingkan dengan nilai had atas ( $d_u$ ) dan had bawah ( $d_L$ ) dalam jadual Durbin-Watson bagi menentukan sama ada hipotesis nul ditolak atau diterima.

## **3.6 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab tiga telah menerangkan bagaimana kaedah yang digunakan dalam kajian ini dan kaedah ini membantu pengkaji menyesuaikannya dengan permasalahan yang dikaji. Malah, dapat membantu pengkaji dalam membuat rangka kerja kajian yang lebih baik dan dapat mengurangkan kadar kesilapan. Perbincangan dalam bab seterusnya adalah mengenai keputusan dan hasil kajian yang telah dibuat berdasarkan kaedah yang digunakan dalam bab ini.

## **BAB 4**

### **KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini menerangkan secara terperinci hasil kajian yang diperoleh menggunakan Program “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS). Analisis yang dilakukan ialah deskriptif dan analisis regresi. Hasil analisis regresi membincangkan hipotesis, R-square, ujian *coefficient*, ujian signifikan, ujian F (ANOVA) dan ujian durbin-watson.

#### **4.2 ANALISIS DISKRIPTIF**


Analisis diskriptif digunakan untuk menganalisis data yang telah diperoleh dengan lebih jelas. Dalam kajian ini, analisis berbentuk diskriptif dan frekuensi digunakan untuk melihat keupayaan sesuatu sampel yang dipilih itu dalam membuat keputusan tentang pembolehubah yang dipilih.

#### **4.2.1 Demografi Responden Kakitangan Pengurusan PASFA**

Analisis terhadap demografi responden kakitangan pengurusan PASFA terdiri daripada jantina, bangsa, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, jumlah isi rumah, pendapatan bulanan dan jenis pekerjaan.

##### **4.2.1.1 Jantina**


RAJAH 4.1: Jantina Responden



Rajah 4.1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Didapati jumlah responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki. Jumlah responden perempuan adalah sebanyak 33 responden (57.9 peratus) manakala responden lelaki sebanyak 24 responden (42.1 peratus).

#### 4.2.1.2 Bangsa


RAJAH 4.2: Bangsa Responden



Hasil kajian menunjukkan majoriti bangsa Melayu sebanyak 56 responden (98.2 peratus). Manakala hanya satu responden (1.8 peratus) yang berbangsa Cina. Berdasarkan Rajah 4.2, bangsa Melayu lebih ramai berbanding bangsa Cina, ini menunjukkan kakitangan pengurusan di Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) lebih ramai berbangsa Melayu berbanding Cina.

#### 4.2.1.3 Umur


RAJAH 4.3: Umur Responden



Rajah 4.3 menunjukkan majoriti umur responden berada pada tahap umur 49 hingga 55 tahun 28.07 peratus. Responden yang berumur dalam lingkungan tersebut mempunyai pendapatan yang tinggi kerana mempunyai pengalaman yang luas dan jawatan yang tinggi dalam pengurusan. Manakala, lingkungan umur responden yang terendah pula antara 56 hingga 62 tahun 1.75 peratus. Seterusnya, responden yang berumur antara 35 hingga 41 tahun 21.05 peratus.

#### 4.2.1.4 Taraf Perkahwinan


RAJAH 4.4 : Taraf Perkahwinan Responden



Rajah 4.4 menunjukkan taraf perkahwinan responden. Majoriti responden adalah berkahwin 73.7 peratus. Manakala, bujang sebanyak 14 responden (24.6 peratus). Jumlah responden duda dan janda adalah paling rendah iaitu seorang responden (1.8 peratus).

#### 4.2.1.5 Tahap Pendidikan

RAJAH 4.5 : Tahap Pendidikan Responden




Rajah 4.5 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Didapati responden yang berpendidikan rendah hanya setakat Darjah Enam dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu seorang responden sahaja (1.8 peratus). Responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah menyebabkan tingkat pendapatan adalah rendah. Ini kerana tahap pendidikan mempengaruhi tingkat pendapatan yang diterima. Bilangan responden yang mempunyai ijazah ke atas pula adalah tiga responden (5.3 peratus). Manakala, responden yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah sebanyak 35 responden (61.4 peratus). Kebanyakkhan responden yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memegang

jawatan sebagai Kerani Akaun iaitu sebanyak (16 responden), Pembantu Tadbir (15 responden), Pembantu Am Rendah (tiga responden) dan seorang Penyelia.

#### 4.2.1.6 Jumlah Isi rumah

RAJAH 4.6 : Jumlah Tanggungan Responden




Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah tanggungan yang tertinggi ialah lima orang iaitu seramai 17 responden (29.8 peratus) dari keseluruhan responden. Responden yang tidak mempunyai tanggungan adalah sebanyak lapan responden (14 peratus). Manakala, jumlah tanggungan seramai tujuh dan lapan orang sebanyak dua responden (3.5 peratus).

Jumlah tanggungan yang terendah adalah enam orang iaitu seorang responden (1.8 peratus).

#### 4.2.1.7 Pendapatan Bulanan


RAJAH 4.7: Pendapatan Bulanan Responden



Hasil kajian menunjukkan 21 responden (36.84 peratus) mempunyai pendapatan di antara RM 1000 hingga RM 1533 sebulan. Responden yang berpendapatan RM 3136 hingga RM 3669 sebulan hanya seorang responden (1.75 peratus). Manakala, responden yang memperolehi pendapatan tinggi antara RM 3670 hingga RM 4203 adalah lima responden (8.77 peratus). Responden yang mempunyai pendapatan antara RM 3670 hingga RM 4203 terdiri daripada responden yang mempunyai jawatan tinggi seperti Pengurus Ladang, Pengurus Pembangunan dan Pengurus Perniagaan.

#### 4.2.1.8 Jawatan Responden


RAJAH 4.8: Jawatan Responden



Rajah 4.8 menunjukkan taburan responden mengikut jawatan. Jawatan Kerani Akaun mempunyai jumlah responden yang tinggi iaitu 16 responden (20.07 peratus). Kerani Akaun mempunyai bilangan responden yang paling ramai kerana setiap bahagian mempunyai jawatan Kerani Akaun. Responden yang berjawatan Pembantu Tadbir adalah seramai 15 responden (26.32 peratus). Seterusnya, responden yang berjawatan pengurus sebanyak empat responden (7.02 peratus). Jawatan sebagai Eksekutif Kewangan mempunyai seorang responden (1.75 peratus). Akhir sekali, jawatan sebagai penyelia mempunyai tujuh responden (12.28 peratus).

#### **4.2.1.9 Tempoh Perkhidmatan Responden**

RAJAH 4.9 : Tempoh Perkhidmatan Responden



Tempoh perkhidmatan responden yang paling lama ialah satu hingga enam tahun iaitu sebanyak 20 responden (35.09 peratus). Seramai 16 responden (28.07 peratus) berkhidmat antara tujuh hingga 12 tahun. Tempoh perkhidmatan antara empat hingga sembilan bulan, 19 hingga 24 tahun dan 31 hingga 36 tahun mempunyai dua responden (3.51 peratus). Kebanyakkannya, kakitangan pengurusan PASFA, yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang lama dengan PASFA memperolehi tingkat pendapatan yang tinggi kerana mempunyai pengalaman yang luas dan kemahiran yang tinggi.

#### **4.2.1.10 Kakitangan Pengurusan PASFA**

Bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang menggalakkan peladang terlibat dengan projek-projek PASFA, aktiviti-aktiviti yang memberi sumber kewangan utama PASFA, kebaikan dan keburukan pelaksanaan projek-projek PASFA, masalah-masalah yang timbul akibat menguruskan projek-projek PASFA dan harapan kakitangan pengurusan PASFA terhadap projek PASFA. Oleh itu, bahagian ini merupakan bahagian yang perlu dijawab oleh kakitangan pengurusan PASFA yang bertujuan mengkaji prestasi kemajuan sektor pertanian PASFA di daerah Kuantan.

#### **4.2.1.10.1 Faktor-faktor Yang Menggalakkan Peladang Terlibat Dengan Projek-projek PASFA**

**JADUAL 4.1 : Faktor-faktor Yang Menggalakkan Peladang Terlibat Dengan Projek-projek PASFA**

<b>PERKARA</b>	<b>YA</b>		<b>TIDAK</b>	
	<b>KK</b>	<b>%</b>	<b>KK</b>	<b>%</b>
1 Peladang tidak mempunyai modal sendiri bagi membangunkan tanah mereka.	46	80.70	11	19.30
2 Inginkan mendapatkan kemudahan infrastruktur, jentera dan pengangkutan dan sebagainya.	56	98.20	1	1.80
3 Memperolehi penyelenggaraan ladang yang baik.	56	98.20	1	1.80
4 Meningkatkan pendapatan peladang.	55	96.50	2	3.50
5 Mengurangkan pengangguran yang ketara di kalangan penduduk setempat kerana tidak mempunyai pekerjaan.	47	82.50	10	17.50
6 Tanah akan dirampas balik oleh kerajaan kerana pemilik tidak mengusahakannya dan tanah dalam keadaan terbiar.	32	56.10	25	43.90
7 Ingin meningkatkan pembangunan kawasan khususnya seperti jalan raya, sekolah, klinik dan sebagainya.	39	68.40	18	31.60
8 Peladang tidak mampu menguruskan sendiri kerana berusia lanjut.	41	71.90	16	28.10

Nota: KK = Kekerapan

Jadual 4.1 menunjukkan faktor-faktor yang menggalakkan peladang terlibat dengan projek-projek PASFA. Hasil kajian mendapati antara faktor utama menggalakkan peladang terlibat dengan projek-projek PASFA ialah ingin mendapat kemudahan infrastruktur, jentera, dan pengangkutan dan memperolehi penyelenggaraan ladang yang baik. Ini dibuktikan dengan jumlah responden seramai 56 responden (98.20 peratus) dan meningkatkan pendapatan peladang (96.50 peratus).

Faktor-faktor lain yang menggalakkan peladang terlibat dengan PASFA adalah tanah akan dirampas balik oleh kerajaan kerana pemilik tidak mengusahakan tanah tersebut. Perkara ini termaktub di dalam Seksyen 115, 116 dan 117 Kanun Tanah Negara (KTN) bahawa membiarkan tanah terus tidak dikerjakan atau dibangunkan adalah satu kesalahan kerana menyalahi (tidak mematuhi) syarat-syarat tersirat pada tanah mereka. Lebih kurang 56.10 peratus setuju dengan kenyataan ini tetapi sebanyak 43.90 peratus tidak pasti bahawa tanah peladang akan dirampas oleh pihak kerajaan sekiranya tanah tersebut tidak diusahakan.

#### **4.2.1.10.2 Aktiviti-aktiviti Yang Memberi Sumber Kewangan Utama PASFA**

**JADUAL 4.2: Aktiviti-aktiviti Yang Memberi Sumber Kewangan Utama PASFA**

<b>PERKARA</b>	<b>BILANGAN</b>			
	<b>SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>	<b>TIDAK SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1 Perniagaan dan pembekalan	47	82.40	10	17.50
2 Pemasaran komoditi	40	70.20	17	29.90
3 Ladang Kelapa Sawit	53	93.00	4	7.00
4 Program Pembangunan Tanah Terbiar	48	84.20	9	15.80
5 Projek Semaian Komersial	44	77.20	13	22.80
6 Perkhidmatan Kejenteraan	42	73.70	15	26.30
7 Kontrak Perladangan	50	87.80	7	12.30
8 Projek Properti	42	73.70	15	26.30
9 Agensi Tenaga Kerja dan Perkhidmatan Insurans	35	61.40	22	38.60
10 Properti	47	82.40	10	17.50

Jadual 4.2 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PASFA. Aktiviti-aktiviti ini menjadi sumber utama kepada keuntungan PASFA. Aktiviti utama yang memberi sumber kewangan PASFA ialah kontrak perladangan. Ini dibuktikan dengan persetujuan seramai 50 responden (87.80 peratus).

Manakala, agensi tenaga kerja dan perkhidmatan insurans merupakan agensi yang melibatkan penggunaan buruh asing daripada Indonesia bagi mengerjakan ladang kelapa sawit. Seramai 35 responden (61.40 peratus) bersetuju bahawa aktiviti ini memberi sumbangan kewangan kepada PASFA tetapi seramai 22 responden (38.60 peratus) tidak bersetuju. Program Pembangunan Tanah Terbiar juga merupakan salah satu sumbangan kewangan kepada keuntungan PASFA, ini dibuktikan seramai 48 responden (84.20 peratus) bersetuju.

Secara keseluruhannya, semua aktiviti yang dijalankan oleh PASFA menjadi salah satu sumber kewangan PASFA. Hasil keuntungan ini membolehkan PASFA membuat modal bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti lain yang dapat membantu peladang.

#### **4.2.1.10.3 Kebaikan Pelaksanaan Projek-projek PASFA**

JADUAL 4.3: Kebaikan Pelaksanaan Projek-projek PASFA

PERKARA	BILANGAN		BILANGAN	
	SETUJU	PERATUS (%)	TIDAK SETUJU	PERATUS (%)
1 Mewujudkan golongan peladang yang dapat menguruskan ladang mereka.	48	84.2	9	15.8
2 Memberi peluang kepada ahli menentukan masa depan pertubuhan yang mereka miliki.	44	77.2	13	22.8
3 Menggalakkan jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan sama-sama menyokong pergerakan PASFA.	49	86	8	14.1
4 Mengubah tanggapan umum bahawa PASFA adalah milik kerajaan.	42	73.7	15	26.4

Jadual 4.3 menunjukkan faedah atau kebaikan pelaksanaan projek-projek PASFA. Seramai 48 responden (84.2 peratus) setuju bahawa pelaksanaan projek-projek PASFA dapat mewujudkan golongan peladang yang dapat menguruskan ladang mereka kerana dengan bantuan PASFA, peladang mempunyai modal dalam menguruskan tanah mereka. Manakala, 77.2 peratus bersetuju pelaksanaan projek-projek PASFA memberi peluang kepada ahli menentukan masa depan pertubuhan yang mereka miliki.

Selain itu, seramai 49 responden (86 peratus) bersetuju apabila melaksanakan projek ia dapat menggalakkan jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan sama-sama menyokong pergerakan PASFA. Jabatan dan agensi kerajaan yang menyokong pergerakan PASFA seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) iaitu membantu dari segi kewangan dan nasihat. Malah, seramai 42 responden (73.7 peratus) setuju pelaksanaan aktiviti dapat mengubah tanggapan umum bahawa PASFA adalah milik kerajaan.

#### **4.2.1.10.4 Kelemahan Akibat Pelaksanaan Projek-projek PASFA**

**JADUAL 4.4: Kelemahan Akibat Pelaksanaan Projek-projek PASFA**

<b>PERKARA</b>	<b>BILANGAN</b>			
	<b>SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>	<b>TIDAK SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1 PASFA tidak mampu dari segi kewangan bagi melaksanakan pelaksanaan rancangan atau projek.	8	14.10	49	86.00
2 Ahli-ahli tidak mendapat layanan yang saksama dan adil semasa pelaksanaan rancangan atau projek.	19	33.30	38	66.70
3 Masih belum mampu untuk bersaing dengan organisasi lain yang menjalankan aktiviti yang sama seperti Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP).	15	26.40	42	73.70
4 Jumlah penerimaan ahli dalam melaksanakan rancangan atau projek tidak ramai dan ini menyebabkan projek akan mengalami kegagalan.	11	19.30	46	80.70
5 Pengurusan yang kurang pengalaman dan ini akan mempengaruhi kejayaan pelaksanaan rancangan.	16	28.10	41	71.90

Jadual 4.4 menunjukkan kelemahan akibat pelaksanaan projek-projek PASFA. Seramai 49 responden (86 peratus) tidak setuju bahawa PASFA tidak mampu dari segi kewangan bagi melaksanakan pelaksanaan. Hal ini kerana responden berpendapat banyak projek yang dilaksanakan oleh PASFA yang dapat memberi keuntungan kepada PASFA. Responden juga tidak setuju bahawa ahli-ahli tidak mendapat layanan yang saksama dan adil semasa pelaksanaan rancangan atau projek. Ini dibuktikan dengan 38 responden (66.70 peratus) tidak setuju. Kebanyakkan ahli yang ingin berurusan di PASFA akan dilayan dan masa yang diambil untuk berurusan adalah tidak lama.

Selain itu, seramai 41 responden (71.90 peratus) tidak setuju bahawa pengurusan yang kurang pengalaman dan ini akan mempengaruhi kejayaan pelaksanaan rancangan. Hal ini kerana responden berpendapat banyak aktiviti dapat dilaksanakan dengan adanya pengurusan yang cekap dan berpengalaman.

Kesimpulannya, kebanyakkan responden tidak setuju dengan kelemahan yang wujud akibat pelaksanaan projek-projek PASFA. Ini kerana projek-projek yang dilaksanakan oleh PASFA banyak memberi faedah kepada responden.

#### 4.2.1.10. 5 Masalah Yang Timbul Akibat Menguruskan Projek-projek PASFA

JADUAL 4.5: Masalah yang Timbul Akibat Menguruskan Projek-projek PASFA

PERKARA	BILANGAN			
	SETUJU	PERATUS (%)	TIDAK SETUJU	PERATUS (%)
1 Penglibatan ahli kurang.	22	38.60	35	61.40
2 Saiz ladang yang berskala kecil dan tidak ekonomik menyebabkan produktiviti rendah dan kos pengeluaran tinggi.	31	54.40	26	45.60
3 Usaha untuk mengoptimumkan tanah terhalang oleh beberapa kekangan terutamanya tuan tanah tidak dikesan, peladang yang berusia lanjut dan tanah yang mempunyai ramai pemilik.	31	54.40	26	45.60
4 Masalah kekurangan tenaga buruh menyebabkan berlaku pengambilan Tenaga Kerja Indonesia (TKI).	44	77.20	13	22.90

5	PASFA tidak mengaplikasikan penggunaan teknologi moden dan menggunakan corak tanaman secara tradisional menyebabkan daya pengeluaran pertanian dan pendapatan rendah.	15	26.40	42	73.70
6	Masalah kekurangan modal menyebabkan daya pengeluaran rendah.	20	35.10	37	64.90
7	Kurang pelabur melabur kerana beranggapan sektor pertanian memberi pulangan yang kurang dan mengambil masa yang lama untuk memperolehi pulangan tersebut.	23	40.30	34	59.60

Jadual 4.5 menunjukkan masalah yang timbul akibat menguruskan projek-projek PASFA. Seramai 44 responden (77.20 peratus) setuju dengan masalah kekurangan tenaga buruh menyebabkan berlaku pengambilan tenaga kerja Indonesia. Pengambilan tenaga kerja Indonesia kerana usia peladang yang semakin meningkat menyebabkan peladang tidak berupaya mengusahakannya sendiri. Manakala, 31 responden (54.40 peratus) setuju dengan saiz ladang yang berskala kecil dan tidak ekonomik menyebabkan produktiviti rendah dan kos pengeluaran tinggi.

Selain itu, 31 responden (54.40 peratus) setuju bahawa usaha untuk mengoptimumkan tanah terhalang oleh beberapa kekangan terutamanya tuan tanah tidak dapat dikesan, peladang yang berusia lanjut dan tanah yang mempunyai ramai pemilik. Seramai 23 responden (40.30 peratus) setuju, kurang pelabur melabur dalam sektor pertanian kerana beranggapan sektor pertanian memberi pulangan yang kurang dan mengambil masa lama untuk memperolehi pulangan tersebut. Meskipun pelabur kurang melabur dalam sektor pertanian tetapi sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara Malaysia.

#### **4.2.1.10.6 Harapan Responden Terhadap Projek-projek PASFA.**

**JADUAL 4.6: Harapan Responden Terhadap Projek-projek PASFA**

<b>PERKARA</b>	<b>YA</b>		<b>TIDAK</b>	
	<b>KK</b>	<b>%</b>	<b>KK</b>	<b>%</b>
1 Mampu bersaing dan mengatasi pihak lain dalam menyediakan keperluan ahli-ahli berhubung dengan pertanian.	55	96.50	2	3.50
2 Mampu mengatasi segala masalah berkaitan dengan pertanian yang dihadapi oleh ahli atau peladang.	54	94.70	3	5.30
3 Mempunyai kakitangan pengurusan dan penggubal dasar yang betul-betul mahir dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh PASFA.	55	96.50	2	3.50
4 Dapat memperluaskan aktivitinya dalam meliputi semua bidang.	52	91.20	5	8.80
5 Dapat menarik lebih ramai menjadi ahli dan setiap ahli sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PASFA.	53	93.00	4	7.00
6 Dapat menarik pelabur melabur dalam sektor pertanian.	53	93.00	4	7.00

Nota: KK = Kekerapan


Jadual 4.6 menunjukkan harapan responden terhadap projek-projek PASFA. Hasil kajian mendapati bahawa 55 responden (96.50 peratus) berharap PASFA mampu bersaing dan mengatasi pihak lain dalam menyediakan keperluan ahli-ahli berhubung dengan pertanian dan responden juga berharap mempunyai kakitangan pengurusan dan penggubal dasar yang betul-betul mahir dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh PASFA.

Selain itu, responden juga berharap PASFA mampu mengatasi segala masalah berkaitan dengan pertanian terutamanya yang dihadapi oleh ahli atau peladang kerana sebelum ini terdapat masalah yang wujud di kalangan peladang. Masalah yang wujud seperti masalah kekurangan tenaga buruh bagi mengusahakan ladang dan masalah kekurangan modal. Harapan ini dibuktikan dengan sokongan 54 responden (94.70 peratus). Seramai 52 responden (91.20 peratus) yang terdiri daripada kakitangan pengurusan PASFA juga berharap dapat memperluaskan aktiviti meliputi semua bidang seperti dalam sektor industri.

## **4.2.2 Demografi Responden Ahli Atau Peladang PASFA**

### **4.2.2.1 Jantina**


**RAJAH 4.10: Jantina Responden**



Rajah 4.10 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Didapati jumlah responden lelaki (61 peratus) lebih ramai berbanding responden perempuan (39 peratus).

#### **4.2.2.2 Bangsa**


RAJAH 4.11: Bangsa Responden



Hasil kajian menunjukkan keseluruhan responden adalah berbangsa Melayu sebanyak 100 responden. Hal ini kerana keseluruhan ahli atau peladang yang terlibat dengan projek PASFA terdiri daripada bangsa Melayu sahaja dan tiada penglibatan oleh bangsa lain seperti Cina dan India.

#### 4.2.2.3 Umur


RAJAH 4.12: Umur Responden



Rajah 4.11 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Responden yang berumur antara 53 hingga 59 tahun mempunyai jumlah responden yang paling ramai iaitu 47 responden. Responden yang berusia antara 60 hingga 66 tahun adalah sebanyak 22 responden. Manakala, responden yang berumur antara 74 hingga 80 tahun adalah seorang responden sahaja. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang agak berusia dan kebanyakkan golongan yang muda tidak berminat dengan aktiviti pertanian kerana mereka lebih suka menceburi sektor perkilangan, perniagaan dan sebagainya.

#### 4.2.2.4 Taraf Perkahwinan


RAJAH 4.13 : Taraf Perkahwinan Responden



Rajah 4.13 menunjukkan taraf perkahwinan responden. Responden yang telah berkahwin sebanyak 88 responden. Manakala, duda dan janda sebanyak 10 responden. Responden yang bujang adalah paling rendah iaitu dua responden.

#### 4.2.2.5 Tahap Pendidikan


RAJAH 4.14 : Tahap Pendidikan Responden



Rajah 4.14 menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Kebanyakkan responden mendapat pendidikan yang rendah iaitu setakat Darjah Enam iaitu 66 peratus. Apabila mempunyai tahap pendidikan yang rendah, responden hanya bekerja sendiri seperti terlibat dengan aktiviti-aktiviti pertanian. Responden yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah sebanyak dua responden. Responden yang mempunyai tahap pendidikan STPM mempunyai pekerjaan lain seperti bekerja dengan sektor swasta dan kerajaan dan tidak hanya bergantung kepada aktiviti pertanian. Ini menyebabkan tingkat pendapatan mereka lebih tinggi.

#### 4.2.2.6 Jenis Pekerjaan


RAJAH 4.15 : Jenis Pekerjaan Responden



Rajah 4.15 menunjukkan taburan responden mengikut jenis pekerjaan. Seramai 55 responden mempunyai pekerjaan sendiri. Responden yang telah menjadi pesara sebanyak 17 responden. Oleh itu, selepas menjadi pesara, responden lebih suka menguruskan tanah mereka dengan menjalankan aktiviti pertanian. Manakala, sebanyak 10 responden bekerja sebagai kakitangan awam. Akhir sekali, tiga responden sahaja di kalangan pelajar dan suri rumah.

#### 4.2.2.7 Pendapatan Bulanan

RAJAH 4.16: Pendapatan Bulanan Responden




Rajah 4.10 mengenai jumlah pendapatan bulanan responden. Hasil kajian menunjukkan pendapatan responden yang paling tinggi di antara RM 300 hingga RM 614 sebulan iaitu 59 responden. Responden yang berpendapatan di antara RM 300 hingga RM 614 sebulan merupakan golongan tua yang tidak berupaya untuk bekerja lagi yang disebabkan oleh masalah kesihatan. Responden yang berpendapatan RM 615 hingga RM 929 sebulan adalah seramai 17 responden. Kajian ini juga mendapati bahawa responden yang mempunyai pendapatan RM 930 hingga RM 1244 adalah seramai sembilan responden. Manakala, pendapatan responden di antara RM 1245 hingga RM 1559 ialah sebanyak tujuh responden dan hanya empat responden sahaja di kalangan responden yang

mempunyai pendapatan RM 1560 hingga RM 1874. Responden yang mempunyai pendapatan antara RM 1875 hingga 2189 ialah tiga responden. Akhir sekali, seorang responden sahaja yang berpendapatan antara RM 2190 hingga RM 2504.

#### 4.2.2.8 Jumlah Isi rumah

RAJAH 4.17 : Jumlah Tanggungan Responden



Dapatan kajian menunjukkan jumlah tanggungan responden. Seramai 21 responden mempunyai tanggungan sebanyak empat orang. Manakala, empat responden tidak mempunyai tanggungan kerana responden mempunyai anak-anak yang semuanya sudah berkahwin maka tiada tanggungan. Seterusnya, 18 responden mempunyai dua jumlah tanggungan dan 17 responden mempunyai jumlah tanggungan sebanyak tiga orang. Hanya seorang responden sahaja mempunyai jumlah tanggungan lapan orang .

#### **4.2.2.9 Ahli Atau Peladang PASFA**

Bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi peladang menjadi ahli PASFA, pendapat responden setelah menjadi ahli, penerimaan perkhidmatan daripada PASFA dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima oleh PASFA. Selain itu, mengenai masalah-masalah yang timbul sebelum dan selepas responden terlibat dengan projek PASFA serta masalah yang timbul selepas berurusan dengan pihak PASFA. Oleh itu, bahagian ini merupakan bahagian yang perlu dijawab oleh ahli atau peladang yang bertujuan mengkaji impak pelaksanaan projek terhadap kebajikan di kalangan peladang yang terlibat dengan PASFA dan peranan pihak swasta serta kerajaan bagi mengatasi masalah yang timbul akibat projek perladangan PASFA.

#### 4.2.2.9.1 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Peladang Menjadi Ahli PASFA

JADUAL 4.7: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Peladang Menjadi Ahli PASFA

PERKARA	YA		TIDAK	
	KK	%	KK	%
1 Bertujuan meninggikan taraf hidup.	100	100	-	-
2 Nasihat daripada Ketua Kampung/Penghulu.	39	39	61	61
3 Nasihat daripada kawan-kawan.	37	37	63	63
4 Ceramah pada peringkat awal yang diberikan oleh pegawai PASFA mempengaruhi atau memberi keyakinan terhadap peladang.	89	89	11	11
5 Ingin memperolehi perkhidmatan dan bantuan kewangan seperti khidmat kejenteraan dan pengangkutan dan bekalan input pertanian.	74	74	26	26


Nota: KK = Kekerapan

Jadual 4.7 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi peladang menjadi ahli PASFA. Hasil kajian mendapati semua responden terlibat dengan PASFA bertujuan meninggikan taraf hidup mereka akibat berlaku peningkatan tingkat pendapatan.

Manakala, seramai 37 responden terlibat juga kerana nasihat daripada kawan-kawan. Ceramah pada peringkat awal yang diberikan oleh pegawai PASFA mempengaruhi atau memberi keyakinan terhadap peladang. Ini dibuktikan dengan 89 responden terlibat dengan PASFA akibat ceramah yang telah diberikan. Akhir sekali, sebanyak 74 responden terlibat dengan PASFA kerana ingin memperolehi perkhidmatan dan bantuan kewangan seperti khidmat kejenteraan dan pengangkutan serta bekalan input pertanian.

#### **4.2.2.9.2 Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli PASFA**


RAJAH 4.18: Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli PASFA



Rajah 4.18 menunjukkan pendapat responden setelah menjadi ahli PASFA. Seramai 67 responden (67 peratus) berpendapat terlibat dengan PASFA memberi faedah. Ini kerana responden dapat menerima perkhidmatan daripada PASFA seperti subsidi kejenteraan dan peralatan ladang, bantuan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ahli dan sebagainya. Manakala, hanya seorang sahaja responden berpendapat bahawa terlibat dengan PASFA sangat tidak berfaedah.

#### 4.2.2.9.3 Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA

RAJAH 4.19: Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA



Rajah 4.19 menunjukkan penerimaan perkhidmatan daripada PASFA. Seramai 75 responden menyatakan mereka pernah menerima perkhidmatan daripada PASFA seperti subsidi kejenteraan dan peralatan, tabung bantuan kemalangan peladang, bantuan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ahli, khidmat nasihat dan sebagainya. Manakala, 25 responden menyatakan mereka tidak pernah menerima perkhidmatan daripada PASFA kerana mereka pernah memohon (12 responden), mereka tidak mengetahui (8 responden) dan tidak berminat (2 responden) dan telah mendapat khidmat daripada jabatan lain seperti Jabatan Pertanian (2 responden).

#### **4.2.2.9.4 Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Diterima Oleh Responden**

JADUAL 4.8: Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Diterima Oleh Responden

PERKARA	YA		TIDAK	
	KK	%	KK	%
1 Subsisi kejenteraan dan peralatan ladang	64	64	11	11
2 Tabung bantuan kemalangan peladang	16	16	59	59
3 Hadiah kecermerlangan pendidikan anak ahli	11	11	64	64
4 Bantuan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ahli	69	69	6	6
5 Khidmat nasihat	67	67	8	8
6 Latihan	31	31	44	44
7 Guna tenaga buruh	40	40	35	35


Nota: KK = Kekerapan

Jadual 4.8 menunjukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima oleh responden. Seramai 40 responden menerima perkhidmatan guna tenaga buruh Indonesia bagi mengusahakan tanah mereka. Manakala, jumlah responden menerima perkhidmatan hadiah kecermerlangan pendidikan anak ahli sebanyak 11 responden sahaja.

Seramai 69 responden menerima bantuan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ahli seperti tabung bantuan kemalangan peladang dan subsidi kejenteraan dan peralatan ladang. Akhir sekali, seramai 67 responden menerima khidmat nasihat daripada PASFA. Kebiasanya, khidmat nasihat ini diberikan kepada sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan perkhidmatan tersebut dan khidmat nasihat tidak dihadkan misalnya khidmat nasihat pengurusan ladang dan bantuan kewangan.

#### 4.2.2.9.5 Tiada Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA

RAJAH 4.20: Tiada Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA



Rajah 4.20 menunjukkan sebab kenapa responden tidak menerima perkhidmatan daripada PASFA. Seramai 25 responden tidak menerima perkhidmatan daripada PASFA. Seramai 12 responden ingin mendapatkan perkhidmatan daripada PASFA tetapi gagal. Manakala, terdapat dua responden tidak berminat menerima perkhidmatan daripada PASFA kerana mereka mempunyai modal sendiri bagi menguruskan ladang mereka. Akhir sekali, dua responden tidak menerima perkhidmatan daripada PASFA kerana telah mendapat khidmat daripada jabatan lain seperti Jabatan Pertanian.

#### **4.2.2.9.6 Masalah Yang Timbul Sebelum Responden Terlibat Dengan Projek PASFA**

JADUAL 4.9: Masalah Yang Timbul Sebelum Responden Terlibat Dengan Projek PASFA

PERKARA	BILANGAN			
	SETUJU	PERATUS (%)	TIDAK SETUJU	PERATUS (%)
1 Tiada pembangunan di kawasan dari segi infrastruktur, pendidikan dan jalan raya.	81	81	19	19
2 Wujud pengangguran di kalangan setempat kerana tidak mempunyai pekerjaan.	80	80	20	20
3 Tingkat pendapatan rendah.	89	89	11	11
4 Tidak menggunakan teknologi dalam melaksanakan aktiviti pertanian.	85	85	15	15
5 Tidak menggunakan tanah secara optimum.	87	87	13	13
6 Tanah yang dimiliki oleh anda menjadi sarang penagih dadah berkumpul dan melakukan aktiviti yang tidak bermoral.	37	37	63	63

Jadual 4.9 menunjukkan kesan-kesan yang timbul sebelum responden terlibat dengan projek PASFA. Seramai 89 responden setuju tingkat pendapatan rendah kerana responden tidak mampu mengusahakan ladang mereka kerana kos untuk mengusahakan ladang mereka adalah tinggi.

Selain itu, masalah lain yang timbul ialah tidak menggunakan teknologi bagi melaksanakan aktiviti pertanian iaitu seramai 85 responden bersetuju. Penggunaan teknologi memerlukan kos yang tinggi, maka responden tidak mampu membeli teknologi bagi mengusahakan ladang mereka.

Seramai 87 responden setuju bahawa mereka tidak menggunakan tanah secara optimum kerana mereka tidak mampu membeli anak pokok kelapa sawit yang berharga tinggi kesannya mereka tidak menggunakan tanah secara optimum. Kebiasaannya ladang akan menjadi pusat penagih-penagih dadah berkumpul untuk melakukan aktiviti yang tidak bermoral tetapi 37 responden tidak setuju apabila tanah yang dimiliki oleh mereka menjadi sarang penagih dadah. Hal ini kerana responden sentiasa meninjau dan mengambil tindakan jika berlaku keadaan sedemikian.

**4.2.2.9.7      Kesan –kesan Yang Timbul Selepas Responden Terlibat Dengan Projek PASFA**

JADUAL 4.10: Kesan-kesan Yang Timbul Selepas Responden Terlibat Dengan Projek PASFA

PERKARA	BILANGAN			
	SETUJU	PERATUS (%)	TIDAK SETUJU	PERATUS (%)
1 Wujud pembangunan di kawasan anda dari segi infrastruktur, pendidikan dan jalan raya.	96	96	4	4
2 Kurang pengangguran di kalangan penduduk setempat kerana mempunyai pekerjaan.	91	91	9	9
3 Tingkat pendapatan meningkat.	92	92	8	8
4 Mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam melaksanakan aktiviti pertanian.	92	92	8	8
5 Penggunaan tanah secara optimum.	95	95	5	5

Jadual 4.10 menunjukkan kesan-kesan yang timbul selepas responden terlibat dengan projek PASFA. Seramai 96 responden setuju bahawa wujud pembangunan di kawasan mereka dari segi infrastruktur, pendidikan dan jalan raya. Hal ini kerana penglibatan PASFA dalam menjalankan aktiviti pertanian secara komersial menyebabkan pembangunan di kawasan tersebut.

Seterusnya, seramai 92 responden setuju tingkat pendapatan telah meningkat. Ini kerana apabila PASFA terlibat dalam aktivit-aktiviti pertanian menyebabkan tanah responden diusahakan dan memberi hasil yang lumayan maka tingkat pendapatan responden meningkat. Penglibatan PASFA dalam aktiviti pertanian menyebabkan penggunaan teknologi dapat diaplikasikan dan ini dibuktikan seramai 92 responden bersetuju. PASFA mampu menggunakan dan mengaplikasikan teknologi kerana mempunyai modal yang cukup.

Akhir sekali, seramai 95 responden setuju bahawa berlaku penggunaan tanah secara optimum. Hal ini kerana kos pembelian anak benih dan pokok serta peralatan adalah ditanggung oleh PASFA, maka kesannya tanah digunakan secara optimum.

#### **4.2.2.9.8 Masalah-masalah Yang Timbul Semasa Berurusan Dengan Pihak PASFA**

JADUAL 4.11: Masalah-masalah Yang Timbul Semasa Berurusan Dengan Pihak PASFA

<b>PERKARA</b>	<b>BILANGAN</b>			
	<b>SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>	<b>TIDAK SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1 Perkhidmatan yang dikehendaki tidak dapat subsidi pertanian dan pemasaran pertanian.	51	51	49	49
2 Kedudukan PASFA yang jauh daripada penempatan peladang.	36	36	64	64
3 Tidak mendapat layanan yang memuaskan seperti mengambil masa yang lama untuk berurusan dengan PASFA.	22	22	78	78
4 Syarat-syarat bagi mendapat perkhidmatan terlalu ketat seperti perlu menjadi ahli melebihi lima tahun.	41	41	59	59
5 Tenaga kerja adalah tidak mencukupi untuk mengusahakan tanah peladang.	43	43	57	57

Jadual 4.11 menunjukkan masalah yang timbul semasa berurusan dengan pihak PASFA. Seramai 51 responden setuju perkhidmatan yang dikehendaki oleh responden tidak dapat seperti subsisi pertanian dan pemasaran pertanian. Ini kerana terdapat responden menyatakan mereka tidak memperolehi bantuan tersebut.

Selain itu, seramai 22 responden setuju dengan penyataan bahawa mereka tidak mendapat layanan yang memuaskan tetapi 78 responden tidak setuju kerana mereka mendapat layanan yang memuaskan di PASFA. Akhir sekali, seramai 43 responden (43 peratus) setuju dengan tenaga kerja adalah tidak mencukupi untuk mengusahakan tanah peladang. Hal ini kerana penggunaan buruh Indonesia terlalu sedikit bagi mengusahakan tanah yang luas.

#### **4.2.2.9.9 Peranan Pihak Swasta dan Kerajaan Bagi Mengatasi Masalah Yang Timbul Akibat Projek Perladangan PASFA**

**JADUAL 4.12: Peranan Pihak Swasta dan Kerajaan Bagi Mengatasi Masalah Yang Timbul Akibat Projek Perladangan PASFA**

<b>PERKARA</b>	<b>BILANGAN</b>			
	<b>SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>	<b>TIDAK SETUJU</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1 Memberi nasihat kepada PASFA dalam menyelesaikan pelbagai masalah.	91	91	9	9
2 Memberi bantuan kewangan kepada PASFA jika tidak mempunyai modal dalam menguruskan projek perladangan.	92	92	8	8
3 Kerajaan bekerjasama dengan pihak PASFA dalam menjayakan projek perladangan.	93	93	7	7
4 Kerajaan membantu penduduk dari segi sosioekonomi penduduk seperti pendidikan dan infrastruktur.	98	98	2	2

Jadual 4.12 menunjukkan peranan pihak swasta dan kerajaan bagi mengatasi masalah yang timbul akibat projek perladangan PASFA. Seramai 98 responden setuju bahawa kerajaan perlu membantu penduduk dari segi sosioekonomi seperti pendidikan dan infrastruktur. Bantuan ini dapat meningkatkan taraf hidup responden. Manakala, jumlah responden yang terendah ialah 91 responden iaitu responden setuju apabila pihak swasta dan kerajaan memberi nasihat kepada PASFA bagi menyelesaikan pelbagai masalah

seperti pengurusan ladang, kewangan dan perkhidmatan. Oleh itu, PASFA dapat mengambil tindakan yang rasional apabila pelbagai cadangan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan swasta.

#### **4.2.2.9.10 Pendapat Responden Bagi Meningkatkan Prestasi Kemajuan Sektor Pertanian di Daerah Kuantan.**

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakkan responden berpendapat kerajaan seharusnya membantu peladang-peladang kecil dengan memberi bantuan seperti subsidi baja, benih dan kewangan. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan dapat membantu peladang meningkatkan hasil pertanian mereka. Selain itu, sebilangan responden tidak puas hati dengan harga kelapa sawit yang murah berbanding harga benih dan anak pokok yang tinggi maka responden berpendapat kerajaan perlulah meningkatkan harga kelapa sawit bagi meningkatkan tingkat pendapatan mereka.

Malah, kerajaan atau badan-badan terlibat juga perlu menganjurkan kursus atau latihan bagi meningkatkan kemahiran responden. Hal ini kerana terdapat responden yang tidak mahir dan tidak mengetahui bagaimana hendak menguruskan ladang. Oleh itu, apabila terdapatnya latihan dan kursus ini dapat meningkatkan prestasi sektor pertanian di daerah Kuantan, Pahang. Walau bagaimanapun, kerajaan juga perlu meningkatkan lagi kempen mengenai aktiviti-aktiviti pertanian yang banyak memberi faedah kepada masyarakat dan negara seperti aktiviti yang berasaskan produk bioteknologi.

### 4.2.3 Analisis Crosstabs

#### 4.2.3.1 Analisis Hubungan Antara Jenis Pekerjaan Dan Tahap Pendidikan

JADUAL 4.13: Hubungan Antara Jenis Pekerjaan Dan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Jenis Pekerjaan				
	Kakitangan Awam	Kakitangan Swasta	Bekerja Sendiri	Pesara	Pelajar/Isirumah
UPSR/Sekolah rendah	3	7	43	12	1
PMR	0	2	5	1	0
SPM	5	6	7	4	2
STPM/Diploma	2	0	0	0	0

Jadual 4.13 menunjukkan analisis antara jenis pekerjaan peladang dan tahap pendidikan peladang yang bertujuan mengenalpasti adakah jenis pekerjaan responden bersetujuan dengan tahap pendidikan responden.

Jumlah tertinggi responden yang berkelulusan UPSR atau sekolah rendah adalah bekerja sendiri. Responden yang bekerja sendiri adalah seramai 43 responden dengan membuka kedai runcit, menjual ikan dan sayur-sayuran. Manakala, responden yang berkelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR), bekerja sebagai kakitangan swasta adalah dua responden dan lima responden bekerja sendiri.

Manakala, seramai 24 responden mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Responden yang berkelulusan SPM yang paling banyak adalah bekerja sendiri iaitu tujuh responden. Seterusnya, responden yang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) seramai dua orang iaitu bekerja sebagai kakitangan awam.

Kesimpulannya, dalam sektor pertanian, tahap pendidikan kurang mempengaruhi kerana dalam sektor pertanian perlu kemahiran yang tinggi dan pengalaman yang luas. Kebanyakkan responden yang mempunyai tahap pendidikan rendah iaitu UPSR atau sekolah rendah bekerja sendiri. Hal ini kerana responden yang mendiami di kawasan yang menjalankan sektor pertanian hanya lebih suka tertumpu kepada aktiviti pertanian dan perniagaan secara kecil-kecilan.

#### **4.2.3.2 Analisis Hubungan Antara Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli Dan Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA**

**JADUAL 4.14: Hubungan Antara Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli Dan Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA**

<b>Pendapat Responden Setelah Menjadi Ahli</b>	<b>Penerimaan Perkhidmatan Daripada PASFA</b>	
	<b>Pernah</b>	<b>Tidak Pernah</b>
Sangat Tidak Berfaedah	1	0
Kurang Berfaedah	5	8
Berfaedah	50	17
Sangat Berfaedah	19	0

Jadual 4.14 menunjukkan analisis perhubungan antara pendapat responden setelah menjadi ahli dan penerimaan perkhidmatan daripada PASFA. Analisis ini dijalankan untuk mengenalpasti sama ada penerimaan perkhidmatan daripada PASFA mempengaruhi pendapat responden setelah menjadi ahli.

Berdasarkan Jadual 4.14, seorang responden pernah menerima perkhidmatan daripada PASFA tetapi responden tersebut berpendapat setelah menjadi ahli PASFA, sangat tidak berfaedah. Hal ini kerana responden tersebut tidak berpuashati dengan layanan yang diberikan oleh kakitangan PASFA semasa berurusan dengan mereka. Manakala, lima responden menyatakan, mereka pernah menerima perkhidmatan tetapi lapan responden pula menyatakan tidak pernah menerima perkhidmatan daripada PASFA, responden tersebut berpendapat penglibatan mereka dengan aktiviti PASFA adalah kurang berfaedah.

Selain itu, seramai 50 responden pernah menerima perkhidmatan manakala 17 responden tidak pernah menerima perkhidmatan tersebut. Jumlah ini menyebabkan ramai responden berpendapat penglibatan mereka dengan aktiviti-aktiviti PASFA memberi faedah. Seterusnya, seramai 19 responden pernah menerima perkhidmatan daripada PASFA dan mereka berpuas hati dan banyak menerima faedah. Kesimpulannya, penerimaan perkhidmatan daripada PASFA mempengaruhi pendapat responden setelah menjadi ahli.

## **4.3 ANALISIS HASIL REGRESI**

Dalam bahagian ini, pembolehubah bebas yang digunakan untuk menguji dan mengenalpasti sama ada pembolehubah berkenaan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu keuntungan atau prestasi projek pertanian. Manakala, pembolehubah bersandar ialah jumlah modal saham, nilai projek pertanian dan nilai khidmat kejenteraan.

### **4.3.1 Analisis Model Regresi Berbilang**

JADUAL 4.15: Hasil Keputusan Regresi Berbilang

<b>Pembolehubah</b>	<b>Koefisyen</b>	<b>Probability</b>
Saham (Shm)	0.543	0.257
Projek Pertanian (Prjk)	0.893	0.000
Khidmat Kejenteraan Ladang (Jntr)	0.760	0.947
Konstan ( C )	-1284882.353	0.001
R <sup>2</sup>	0.817	
Ujian F	43.055	Probability F = 0.000
Durbin-Watson	0.534	

Berdasarkan hasil yang diperolehi, maka persamaan yang dibentuk adalah seperti di bawah :

$$\text{Rev}_t : -1284882.353 + 0.543 \text{ Shm}_t + 0.893 \text{ Prjk}_t + 0.760 \text{ Jntr}_t + \xi$$

(332885.038) (0.469) (0.111) (11.342)

#### 4.3.1.1 Ujian R square

Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi, beberapa kesimpulan dan interpretasi dapat diutarakan. Hasil daripada model regresi berbilang menunjukkan nilai  $R^2$  ialah 0.817. Ini menunjukkan 81.7 peratus perubahan dalam prestasi projek perladangan (Rev) dapat diterangkan oleh pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu jumlah modal saham (Shm), nilai projek pertanian (Prjk) dan nilai khidmat kejenteraan ladang (Jntr) sementara selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

#### 4.3.1.2 Ujian Coefficient

Nilai *Coefficient* bagi setiap pembolehubah di atas boleh menerangkan kesan kepada pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas bagi jumlah modal saham (Shm) mempunyai nilai *Coefficient* iaitu 0.543. Persamaan menunjukkan, peningkatan dalam RM1.00 dalam jumlah modal saham akan meningkatkan keuntungan dan prestasi projek perladangan sebanyak RM 0.543. Oleh itu, kita dapat mengetahui hubungan antara prestasi projek perladangan (Rev) dan jumlah modal saham (Shm) adalah positif.

Manakala pembolehubah bebas yang kedua iaitu nilai projek pertanian mempunyai nilai *Coefficient* iaitu 0.893. Keputusan ini menjelaskan peningkatan RM 1.00 dalam projek pertanian akan mengakibatkan keuntungan atau prestasi projek pertanian meningkat sebanyak RM 0.893. Hasil kajian menunjukkan bahawa projek pertanian berhubung positif dengan prestasi projek perladangan.

Pembolehubah bebas yang ketiga iaitu khidmat kejenteraan ladang (Jntr) mempunyai nilai *Coefficient* iaitu 0.760. Keputusan model menjelaskan peningkatan RM 1.00 dalam khidmat kejenteraan ladang akan mengakibatkan prestasi projek perladangan meningkat sebanyak RM 0.80. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan prestasi projek perladangan dan khidmat kejenteraan ladang berhubung positif.

#### **4.3.1.3 Ujian Signifikan**

Jadual 4.16 menerangkan hubungan antara prestasi projek perladangan dan jumlah modal saham adalah tidak signifikan kerana nilai signifikan adalah 0.257 iaitu lebih daripada 0.1. Nilai ini bermaksud  $H_0$  tidak ditolak dan membuktikan bahawa jumlah modal saham tidak mempengaruhi secara signifikan keatas keuntungan atau prestasi projek perladangan.

Manakala, hubungan antara prestasi projek perladangan dan projek pertanian adalah signifikan kerana nilai signifikan adalah 0.0001 iaitu kurang daripada 0.1. Nilai bermaksud  $H_0$  ditolak dan membuktikan projek pertanian boleh mempengaruhi secara signifikan ke atas prestasi projek perladangan.

Hubungan antara prestasi projek perladangan dan khidmat kejenteraan ladang adalah tidak signifikan kerana nilai signifikan adalah 0.947 iaitu lebih daripada 0.1. Nilai tersebut lebih daripada 0.1 bermaksud  $H_0$  tidak ditolak dan membuktikan khidmat kejenteraan ladang tidak mempengaruhi secara signifikan ke atas prestasi projek perladangan.

#### **4.3.1.4 Ujian F (ANOVA)**

Analisis Anova dilakukan untuk menguji kesignifikan secara serentak untuk semua pembolehubah bebas yang telah dikenalpasti.

Jadual 4.16, menunjukkan nilai *significance* 0.000 adalah lebih kecil daripada nilai aras keertian pada aras satu peratus. Ini bermakna, keputusan adalah tolak  $H_0$ . Oleh itu, diketahui sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas tersebut iaitu jumlah modal saham, nilai projek pertanian dan nilai khidmat kejenteraan ladang tahunan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu prestasi projek perladangan. Pada aras keertian satu peratus, keputusan hipotesis adalah tolak  $H_0$  yang bermaksud sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar.

#### **4.3.1.5 Ujian Durbin Watson**

Ujian Durbin-Watson dilakukan dengan tujuan untuk mengesan kewujudan autokorelasi. Satu kebaikan ujian ini ialah nilai statistik  $d$  (Durbin-Watson statistik) boleh diperolehi daripada satu sampel. Ujian kepegunaan dijalankan untuk mengelakkan daripada mendapat analisis anggaran regresi palsu. Regresi palsu wujud akibat penggunaan pemboleh ubah yang tidak pegun dalam model persamaan regresi atau mempunyai kepegunaan yang berbeza.

Nilai Durbin-Watson dari analisis ini ialah 0.534 lebih kecil daripada nilai  $R^2$  iaitu 0.817. Data siri masa yang digunakan dalam kajian adalah pada aras keyakinan 1 peratus,  $n = 33$  dan  $k = 4$ , nilai  $d_L = 1.00$  dan nilai  $d_U = 1.51$ . Ujian hipotesis yang dibuat ialah :

$$H_0 = p = 0$$

$$H_0 = p < 0$$

Oleh kerana  $d < 4 - d_u$ , maka  $d$  berada dalam kawasan tolak  $H_0$  dimana  $p = 0$ . Secara ringkasnya, model ini tidak wujud autokorelasi dan sesuai digunakan dalam analisis ini.

#### **4.4 KESIMPULAN**

Dalam kajian ini, terdapat pelbagai gambarajah dan jadual dapat diaplikasikan. Keputusan analisis data daripada *Program Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) menunjukkan semua ujian yang dijalankan adalah menepati objektif umum kajian iaitu untuk menganalisis impak pelaksanaan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang terhadap sosioekonomi peladang di daerah Kuantan, Pahang. Berdasarkan keputusan kajian daripada ujian-ujian yang telah dilakukan, ia menunjukkan jumlah modal saham, nilai projek pertanian dan nilai khidmat kejenteraan ladang mempunyai hubungan positif dengan prestasi projek perladangan.

## **BAB 5**

### **IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN KAJIAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini menjelaskan kesimpulan terhadap kajian yang telah dijalankan mengenai projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang memberi impak sosioekonomi peladang di daerah Kuantan. Bab ini juga membincangkan implikasi dasar, isu dan cabaran dan saranan kajian bagi meningkatkan prestasi sektor pertanian terhadap projek pertubuhan peladang serta memberi impak sosioekonomi yang positif kepada peladang.

#### **5.2 RUMUSAN KAJIAN**

Sektor pertanian merupakan sektor yang menjadi pemangkin kepada ekonomi Malaysia walaupun sikap peladang dan petani yang menganggap sektor tersebut tidak menjanjikan pulangan lumayan tetapi kemajuan teknologi sekarang membolehkan ia dikomersialkan. Walaupun Malaysia menghadapi cabaran sektor pertanian pada masa kini dan masa depan, penggunaan teknologi terkini, peningkatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sokongan daripada semua peringkat sama ada kerajaan serta sektor swasta diharap dapat membantu usaha untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian. Oleh itu, penglibatan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) dalam sektor pertanian juga dapat meningkatkan prestasi sektor pertanian di negara ini.

Terdapat permasalahan dalam sektor pertanian iaitu kekurangan modal, pengetahuan, infrastruktur pertanian dan aplikasi teknologi moden dalam kegiatan pertanian menyebabkan sektor ini kurang daya pengeluaran dan mengakibatkan tingkat pendapatan petani dan peladang semakin jatuh. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian kini ialah saiz ladang yang berskala kecil dan tidak ekonomik serta wujudnya pengangguran dalam sektor pertanian.

Oleh hal demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis impak pelaksanaan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang terhadap sosioekonomi peladang di daerah Kuantan, Pahang. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi melalui Borang Soal Selidik A dan Borang Soal Selidik B. Borang Soal Selidik A dijawab oleh kakitangan pengurusan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang manakala Borang Soal Selidik B dijawab oleh ahli atau peladang. Data sekunder pula, diperolehi daripada Laporan Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) dengan menggunakan data siri masa berbentuk tahunan yang mana meliputi tempoh 33 tahun iaitu bermula dari tahun 1976 hingga 2008. Kedua-dua data ini dianalisis dengan menggunakan *Program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Dalam analisis data primer, ia mengandungi analisis diskriptif, crosstabs, manakala data sekunder mengandungi analisis regresi.

Hasil analisis diskriptif memperolehi demografi responden daripada Borang Soal Selidik A dan Borang Soal Selidik B. Demografi responden terdiri daripada jantina, bangsa, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, jumlah isirumah dan pendapatan bulanan responden. Selain itu, Borang Soal Selidik A dan Borang Soal Selidik B mempunyai analisis frekuensi. Dalam Borang Soal Selidik A mempunyai analisis frekuensi mengenai faktor-faktor yang menggalakkan peladang terlibat dengan projek-projek PASFA, aktiviti-aktiviti yang memberi sumber kewangan utama PASFA, kebaikan dan keburukan pelaksanaan projek-projek PASFA, masalah yang timbul akibat menguruskan projek-projek PASFA dan harapan responden terhadap projek-projek PASFA. Dalam Borang Soal Selidik B juga mempunyai analisis frekuensi mengenai

faktor-faktor yang mempengaruhi peladang menjadi ahli PASFA, pendapat responden setelah menjadi ahli, penerimaan perkhidmatan daripada PASFA, perkhidmatan yang diterima oleh responden, kesan-kesan yang timbul sebelum dan selepas responden terlibat dengan projek PASFA, masalah-masalah yang timbul semasa berurusan dengan pihak PASFA, peranan pihak swasta dan kerajaan bagi mengatasi masalah yang timbul akibat projek perladangan PASFA. Malah, Borang Soal Selidik B juga membincangkan pendapat responden bagi meningkatkan prestasi kemajuan sektor pertanian di daerah Kuantan, Pahang.

Analisis crosstabs, menunjukkan analisis hubungan antara jenis pekerjaan dan tahap pendidikan dan analisis hubungan antara pendapat responden setelah menjadi ahli dan penerimaan perkhidmatan daripada PASFA. Hasil analisis hubungan antara jenis pekerjaan dan tahap pendidikan menunjukkan tahap pendidikan tidak mempengaruhi jenis pekerjaan tetapi terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi jenis pekerjaan seperti pengalaman dan kemahiran. Manakala, hasil analisis hubungan antara pendapat responden setelah menjadi ahli dan penerimaan perkhidmatan daripada PASFA menunjukkan penerimaan perkhidmatan daripada PASFA mempengaruhi pendapat responden setelah menjadi ahli.

Selain itu, dalam analisis model regresi berbilang dianalisis dengan melihat ujian R-square, ujian *coefficient*, ujian signifikan, ujian F (ANOVA) dan ujian Durbin-Watson. Hasil daripada model regresi berbilang menunjukkan nilai  $R^2$  ialah 0.817. Ini menunjukkan 81.7 peratus perubahan dalam prestasi projek perladangan (Rev) dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas iaitu jumlah modal saham (Shm), nilai projek pertanian (Prjk) dan nilai khidmat kejenteraan ladang (Jntr) sementara 18.3 peratus dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Seterusnya, dalam ujian *coefficient*, hubungan antara prestasi projek perladangan (Rev) dan jumlah modal saham (Shm), hubungan antara prestasi projek perladangan (Rev) dan projek pertanian dan hubungan antara prestasi projek perladangan dan khidmat kejenteraan ladang adalah berhubung positif. Dalam ujian signifikan pula menunjukkan hubungan antara prestasi projek perladangan dan jumlah modal saham adalah tidak signifikan dan jumlah modal saham tidak mempengaruhi keuntungan atau prestasi projek perladangan. Hubungan antara prestasi projek perladangan dan projek pertanian adalah signifikan dan projek pertanian boleh mempengaruhi prestasi projek perladangan. Hubungan antara prestasi projek perladangan dan khidmat kejenteraan ladang adalah tidak signifikan dan khidmat kejenteraan ladang tidak boleh mempengaruhi prestasi projek perladangan.

Hasil kajian ujian F (ANOVA) menunjukkan nilai *significance* 0.000 adalah lebih kecil daripada nilai aras keertian pada aras satu peratus. Ini bermakna, keputusan adalah lebih kecil daripada nilai aras keertian pada aras satu peratus, maka tolah  $H_0$  dan membuktikan sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar. Akhir sekali, hasil ujian Durbin-Watson menunjukkan tidak wujud autokelarasi kerana nilai Durbin-Watson 0.534 lebih kecil daripada nilai  $R^2$  iaitu 0.817.

### **5.3 IMPLIKASI DASAR**

Hasil kajian memberi implikasi terhadap sektor pertanian di daerah Kuantan, Pahang. Oleh itu, wujudnya dasar bagi membangunkan sektor pertanian. Kerajaan perlu memperketatkan lagi dasar-dasar yang sedia ada bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian.

Usaha kerajaan dalam pembangunan sektor pertanian ke arah menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan seterusnya membawa pembaharuan dari segi memajukan industri asas tani akan menggalakkan pertumbuhan sektor ini dengan lebih cepat lagi. Langkah seterusnya dipergiatkan untuk memastikan eksplotasi faedah berbanding dan pasaran “*niche*” bagi menambah peluang-peluang pekerjaan, menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui peningkatan produktiviti, meningkatkan eksport dan untuk menambah hasil pertukaran asing negara seterusnya mengurangkan pergantungan kepada import.

Pada tahun 1984 kerajaan telah menggubal satu dasar iaitu Dasar Pertanian Pertama (DPN1) yang menggariskan panduan-panduan bagi pembangunan sektor pertanian sehingga tahun 2000. Dasar ini bertujuan bagi memaksimumkan pendapatan daripada sektor pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara yang ada secara cekap. Penggubalan Dasar Pertanian Pertama (DPN1) mengambil kira hakikat bahawa mulai tahun 1984 peranan kerajaan dalam perbelanjaan sektor awam dan pembekalan infrastruktur dan kemudahan asas ekonomi dan sosial perlu dikurangkan. DPN1 telah menggariskan dasar-dasar bagi penyertaan yang lebih aktif daripada sektor swasta dalam pembangunan sektor pertanian. Selain itu, dasar ini turut mengurangkan bantuan dan subsidi kepada petani dan pekebun kecil. Mereka digalakkan untuk lebih berdikari dan mengurangkan pergantungan pemberian subsidi. Oleh itu, kegiatan pertanian dibangunkan secara komersial, sementara perdagangan dan amalan-amalan pertanian secara tradisional tidak digalakkan lagi. Walau bagaimanapun, sektor kerajaan masih

meneruskan program-program pembangunan pertanian yang berstruktur kecil, dan sektor swasta mengendalikan projek-projek yang menekankan saiz pengurusan yang berstruktur besar dan lebih ekonomi.

Namun demikian masalah yang timbul ialah sektor swasta yang lambat bertindak balas terhadap galakan-galakan ini kerana beranggapan kadar keuntungan agak kecil berbanding membuat pelaburan dalam sektor bukan pertanian, terutama jika masalah-masalah sektor pertanian seperti kemiskinan dan agihan pendapatan masih terus menjadi masalah ekonomi negara.

Seterusnya pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Kedua (1992-2010) yang menggariskan dasar dan strategi sehingga tahun 2010 sebenarnya merupakan penerusan daripada DPN1. Malah, dari segi dasar dan strategi, ia merupakan “evolusi” daripada dasar dan strategi pembangunan pertanian sejak DEB dilaksanakan mulai 1970. DPN2 memberi perhatian ke arah mengatasi kelemahan-kelemahan utama DPN1. DPN2 berfungsi membentuk sebuah sektor pertanian yang dinamik dan cergas terdiri daripada perniagaan tani serta perladangan dan perusahaan yang cekap. DPN2 menetapkan kecekapan sebagai faktor utama bagi peruntukkan sumber dan daya saing penting bagi mencapai pertumbuhan dan pembangunan sektor pertanian selanjutnya. Secara keseluruhannya, pelbagai usaha dan dasar pembangunan sektor pertanian telah dijalankan dan diharapkan agar berlaku kemajuan dalam output dan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara.

Akibat daripada cabaran-cabaran yang wujud di dalam sektor pertanian, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah digubal bagi menjamin pembangunan pertanian dan perhutanan yang dapat disesuaikan dengan perkembangan-perkembangan terbaru yang berlaku di dalam dan di luar negara. Strategi pembangunan sektor pertanian dan perhutanan disepadukan untuk mengatasi masalah kekurangan sumber, terutamanya tanah dan buruh, menggalakkan petani-petani mengamalkan teknik-teknik pertanian moden melalui sistem bersepadu yang menggabungkan tanaman, perikanan dan ternakan.

Di samping itu, dasar-dasar bagi pengurusan ekonomi makro sektor-sektor lain perlu diambil kira bagi memastikan dasar pertanian adalah konsisten, melengkapi, relevan dan selari dengan dasar-dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian.

Selaras dengan usaha untuk menjadikan sektor pertanian berbentuk komersial, kaedah pengeluaran sektor ini perlu diperbaiki seperti mengamalkan kaedah pengeluaran terkini melalui pengaplikasian teknologi moden dan penemuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk bioteknologi. Selain itu, syarat-syarat peruntukan mengenai subsidi input dan harga perlu dikaji semula bagi mengatasi masalah ketidakstabilan harga pengeluaran pertanian. Peraturan dan prosedur yang menghalang pelaburan swasta yang disebabkan oleh karenah birokrasi juga perlu dikaji semula agar dapat memberi peluang kepada sektor swasta menceburi bidang ini.

Skim insentif seperti pengecualian cukai dan kemudahan pinjaman yang lebih menarik serta insentif lain seperti geran, pemberian mudah kredit cukai dan taraf perintis perlu diperkenalkan untuk menggalakkan lebih ramai pelabur menyertai industri pertanian ini sebagaimana yang diberikan kepada sektor perindustrian.

Selain itu, pusat maklumat setempat di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu ditubuhkan dan beroperasi agar dapat membantu sektor swasta untuk mendapatkan pelbagai jenis maklumat dengan mudah dan mengurangkan karenah birokrasi. Sebenarnya, ramai pelabur yang berminat menceburi industri berasaskan pertanian termasuk dalam bidang akuakultur, perternakan dan perikanan laut dalam yang mampu memberikan pulangan yang besar sekiranya kerajaan dapat menyediakan insentif cukai yang menarik sebagaimana sektor pembuatan.

Dalam era globalisasi, sesebuah negara perlu bersikap terbuka terhadap pengaruh luar tetapi pada masa yang sama masih mampu meninggalkan “*kesan tersendiri*” kepada dunia. Justeru, kerajaan perlu menarik semula golongan tenaga profesional dan kreatif yang telah menyumbangkan pengetahuan, kepakaran dan idea mereka di luar negara

supaya pulang ke negara Malaysia serta memanfaatkan bidang bioteknologi dalam sektor pertanian di samping menggabungkan tenaga pakar dari dalam dan luar negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Kerajaan juga perlu melaksanakan strategi-strategi yang dirancang dengan lebih berkesan dan bukannya merancang tetapi tidak melaksananya. Strategi-strategi yang sedia ada perlulah ditingkatkan dan dilaksanakan dengan lebih efisyen agar daya saing sektor pertanian dapat diperkuuhkan dengan sektor-sektor lain contohnya menggalakkan petani-petani mengamalkan teknik-teknik pertanian moden melalui sistem bersepadu yang menggabungkan tanaman, perikanan dan ternakan serta dilengkapi aktiviti agropelancongan.

Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak menafikan bahawa sektor pertanian negara sepatutnya boleh mencapai kemajuan dalam tempoh lima tahun, tetapi masalah tanah telah menyebabkan sektor ini menjadi perlahan sehingga 20 tahun (Info Penggerak Minda Rakyat, 2008). Manakala, pelabur yang berminat untuk menceburi bidang ini telah tawar hati akibat terpaksa menunggu dalam tempoh masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan penggunaan tanah bagi melaksanakan projek pertanian secara besar-besaran.

Masalah untuk mendapatkan tanah terutamanya membabitkan kawasan yang luas masih menjadi halangan serta melambatkan usaha memajukan sektor pertanian. Sehubungan itu, kerajaan-kerajaan negeri seharusnya memberikan kerjasama dan keutamaan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memperoleh tanah-tanah bagi melaksanakan projek pertanian sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor yang memperuntukkan satu kawasan pertanian ladang yang khusus iaitu di Kluang, Johor.

Secara ringkasnya, teras dasar sektor pertanian secara keseluruhan akan ditumpukan kepada usaha mengorientasikan semula sektor ini ke arah pengkomersialan secara lebih meluas dan melahirkan petani yang berpendapatan tinggi serta menggalakkan pelaburan sektor swasta termasuklah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Kerajaan perlu sentiasa bertindak secara lebih agresif dan dinamik semata-mata untuk memperkasakan sektor pertanian.

Pencapaian matlamat dalam meningkatkan daya pengeluaran, bukanlah melibatkan proses yang senang dan mengambil masa yang pendek. Pencapaiannya memerlukan daya usaha yang gigih dan menyeluruh bukan sahaja dari segi menggubal dasar tetapi juga mendapatkan kerjasama seluruh masyarakat di dalam negara. Dengan ini, peningkatan daya pengeluaran hendaklah dianggap sebagai satu pendekatan atau falsafah dalam pengurusan dan nilai kerja yang seharusnya berlaku secara berterusan.

#### **5.4 ISU DAN CABARAN**

Pandangan masyarakat Malaysia terhadap kerjaya petani masih berada pada tahap bawahan. Bekerja sebagai petani dianggap tidak memberikan kepuasan dan pendapatan yang lumayan dan hanya akan diceburi oleh golongan yang tidak ada pilihan dalam kerjaya. Didapati ramai petani di kampung menjalankan aktiviti pertanian secara tidak serius dan hanya bermatlamat untuk mengeluarkan hasil yang dapat memberikan rezeki bagi menampung keperluan asas keluarga. Sekiranya mempunyai peluang yang lebih baik maka pekerjaan sebagai petani akan ditinggalkan. Masyarakat tidak perlu merasa hairan jika kebanyakkan petani sendiri lebih selesa memberi jawapan hanya melakukan “*kerja kampung*” jika dipersoalkan tentang pekerjaan mereka. Mereka beranggap jawapan itu lebih manis dan dapat menyembunyikan pekerjaan sebenar mereka sebagai petani. Mereka seperti malu dan tidak yakin dengan kemuliaan dan potensi kerja sebagai petani.

Didapati masalah ini banyak berpunca daripada pandangan negatif rakyat terhadap bidang pertanian. Golongan muda semakin kurang menyertai sektor pertanian, menyebabkan sektor ini menghadapi kekurangan tenaga buruh. Kebanyakkan petani dan buruh pada masa sekarang terdiri daripada golongan tua yang tidak mampu lagi melakukan kerja pada tahap yang maksimum. Banyak ladang-ladang yang masih produktif tidak diusahakan menyebabkannya terbiar tanpa memberikan hasil. Sikap golongan muda yang tidak yakin untuk menyertai bidang pertanian disebabkan persepsi bahawa menjadi petani menyebabkan kehidupan mereka akan menjadi miskin. Tanggapan ini lahir disebabkan pandangan umum yang mengaitkan kehidupan petani yang miskin dan susah. Memang secara umumnya tidak dinafikan statistik rakyat termiskin menunjukkan golongan petani yang majoritinya menjadi penduduk desa merupakan yang paling ramai hidup miskin. Namun, usaha berterusan pihak kerajaan telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan penduduk dengan jayanya.

Selain isu golongan muda yang kurang berminat di dalam sektor ini, amalan pertanian yang diamalkan oleh golongan petani juga menjadi salah satu persoalan. Perubahan perlu dibuat oleh petani iaitu daripada mengamalkan pertanian sara diri kepada pertanian komersial, selaras dengan peluang yang telah disediakan oleh kerajaan. Petani perlu melangkah ke hadapan untuk menjadi petani moden dan bersedia berhadapan dengan cabaran globalisasi. Kebanyakkan petani tempatan pada masa kini mengusahakan kerja pertanian di tapak tanah bersaiz tidak ekonomik. Kawasan yang dijadikan tapak pertanian merupakan tanah pusaka yang telah dibahagi-bahagikan daripada satu generasi ke generasi lain, sekali gus menjadikan kawasannya semakin sempit. Kaedah yang dilakukan iaitu sekadar tanaman “*di belakang rumah*” atau sara diri memang tidak memberikan pulangan lumayan kepada mereka akibat daripada tanah yang sempit tidak dapat menghasilkan produk yang banyak.

Permasalahan turut timbul apabila import makanan Malaysia melebihi eksport. Usaha membekalkan makanan Malaysia sebenarnya mempunyai dua pilihan iaitu memilih untuk mengimport makanan atau pun menghasilkan sendiri. Pendapat Profesor Dr. Mohd Khanif Yusop, Dekan Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia, sikap rakyat dan negara Malaysia yang suka mengimport makanan dari negara lain sebenarnya menjelaskan kewibawaan Malaysia dari aspek politik dan ekonomi. Beliau berpendapat, kebergantungan kepada orang lain menjelaskan Malaysia sebagai negara yang telah merdeka. Realiti sebenarnya, Malaysia mampu untuk menghasilkan makanan sendiri kerana dalam soal penanaman contohnya dari segi kemudahan tanah di samping iklim tropika yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman contohnya dari segi penanaman kelapa sawit, tidak semua negara mempunyai suhu dan iklim yang sesuai untuk menanam komoditi ini. Masalah input makanan melebihi eksport boleh diatasi, jika kerajaan menanam tanaman dengan keluasan yang besar dan diuruskan secara professional serta tidak terlalu bergantung kepada petani-petani kecil contohnya negara terdekat yang mampu mengeksport makanan walaupun mempunyai hasil yang tidak begitu tinggi ialah negara Thailand, faktor kejayaan ini adalah keluasan tanah yang dimiliki oleh mereka bersaiz besar.

Kelemahan lain yang menyekat sektor pertanian negara Malaysia semaju negara lain ialah petani di negara ini tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang ini, contohnya dari segi penggunaan baja, soal pengairan dan juga dari segi pemasaran. Rata-rata golongan petani hanya bersekolah hanya pada peringkat sekolah rendah dan menengah rendah sahaja dan turut dibelenggu kemiskinan. Pada tahun 1990, kadar kemiskinan penduduk desa, meliputi kira-kira 21.1 peratus. Jumlah ini berkurangan menjadi 15.3 peratus sahaja pada tahun 1995. Disebabkan kekurangan pengetahuan tentang teknologi moden, kebanyakkan petani tidak menggunakan baka benih atau klon yang berdaya pengeluaran tinggi yang terkini, tidak menggunakan baja dan bahan kimia secara optimum dan betul, tidak melaksanakan pembiak pulih tanah dan mengamalkan adat dan budaya tradisi yang tidak mendorong kearah memperoleh daya pengeluaran yang tinggi.

Cabarai lain yang turut dihadapi ialah masih ada lagi pihak yang kurang yakin untuk melabur dalam bidang pertanian. Mereka yang melabur dalam sektor ini umpsama melabur duit ke arah perniagaan yang mempunyai untung yang tidak setimpal dengan pelaburan yang dibuat. Antara alasan lain yang diberikan termasuklah bidang ini berisiko tinggi, masalah sistem pemasaran dan logistik, kekurangan kredit dan insentif, serta kesukaran mendapat tanah. Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Industri dan Asas Tani, tidak menafikan bahawa sektor pertanian negara sepatutnya boleh mencapai kemajuan dalam tempoh lima tahun, tetapi masalah tanah telah menyebabkan sektor ini menjadi perlahan sehingga 20 tahun (Info Penggerak Minda Rakyat, 2008). Permasalahan yang wujud ini juga menyebabkan ada pelabur yang berminat menjadi trauma kerana mereka terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan tanah bagi melaksanakan projek pertanian secara besar-besaran.

## **5.5 CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI SEKTOR PERTANIAN**

Sektor pertanian merupakan sektor yang penting kerana mempunyai ciri-ciri penting dalam ekonomi malah sektor pertanian juga digunakan sebagai satu kaedah untuk membasmi masalah besar iaitu kemiskinan dan jurang ketidaksamaan dalam sosioekonomi antara kaum.

Oleh itu, semua pihak sama ada pihak kerajaan atau pihak swasta perlu berkerjasama bagi meningkatkan lagi tahap produktiviti, pengeluaran dan hasil sektor pertanian dan seterusnya dapat meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana berikut:

### **5.5.1 Pembangunan Produk Baru Dan Industri Masa Depan**

Malaysia perlu meningkatkan tahap pembangunan sektor pertanian bagi menghasilkan produk-produk baru. Hal ini kerana, sektor pertanian mempunyai banyak ruang dan potensi yang belum dijana sepenuhnya misalnya dari segi tanah, masih banyak tanah terbiar dan belum dibangunkan. Oleh itu, jika diusahakan sama ada pertanian mahu pun industri mampu memberi pulangan yang besar. Malaysia juga perlu meneroka produk-produk baru bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Fokus pembangunan produk bioteknologi seperti penggunaan “*oilpalm biomass*”, pembangunan produk florikultur dan ikan akuarium merupakan inovasi baru dalam bio dan agro teknologi serta wajar menjadi punca dan asas kekuatan dan pengukuhan dalam sektor pertanian. Di samping itu, penggunaan bioteknologi dalam usaha memodenkan sektor pertanian akan meningkatkan nilai ditambah bahan yang dihasilkan.

Selain itu, bidang bioteknologi juga dijangka akan menyumbang sebanyak lima peratus kepada Keluran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Bioteknologi adalah salah satu bidang sains utama yang berkembang di negara maju. Pembangunannya menandakan arus baru kemajuan teknologi. Di Amerika Syarikat industri biotek pertanian dan bioteknologi farmaseutikal pada masa ini menampung kira-kira 100,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam 1300 buah firma bioteknologi. Di Malaysia, industri biotek dalam bidang pertanian contohnya akan membawa transformasi guna tenaga dan penjanaan hasil dalam sektor pertanian, penternakan dan perladangan tanaman kontan. Kelebihan yang diperoleh hasil dari mengamalkan kaedah ini ialah boleh menghasilkan variasi tanaman dan ternakan yang baru dengan tepat, cepat dan cekap. Variasi ini mempunyai ciri-ciri yang antaranya ia berhasil tinggi, tahan makhluk perosak dan penyakit serta berupaya mengeluarkan produk lebih berkualiti dengan nilai protein tinggi dan tempoh hayat yang lebih baik.

Dalam melaksanakan projek-projek pertanian moden, negara juga perlu menerokai produk-produk baru secara moden relatifnya kerana pasaran ini belum wujud secara komersial dalam pasaran tempatan. Umpamanya produk-produk herba dan rempah ratus yang mempunyai potensi tinggi memandangkan kebanyakkan yang digunakan untuk masakan atau pada ketika ini diimport. Nilai tahunan bagi industri herba sahaja di Malaysia dianggarkan sebanyak RM 1.5 bilion dan kebanyakakkannya diimport khusus dari negara Indonesia dan China dan dianggarkan terdapat 1230 spesies tanaman herba di semenanjung Malaysia yang mempunyai nilai perubatan. Malaysia mempunyai prospek untuk mengeluarkan herba dan rempah ratus bukan sahaja untuk memenuhi permintaan pasaran domestik tetapi untuk menembusi pasaran antarabangsa. Di samping itu, hasil penyelidikan dan kajian yang dijalankan itu nanti akan mencipta sumber pertanian yang baru untuk diusahakan secara komersial dan besar-besaran. Kesannya, sumber pertanian di negara ini dapat dipelbagaikan dan tidak hanya bergantung pada sesuatu sumber atau komoditi semata-mata.

Pembinaan makmal sementara Institut Agro-Bioteknologi Kebangsaan di bawah projek Lembah Bio yang beroperasi sementara di MARDI harus digunakan sebaik mungkin. Usahawan tani diharap dapat melahirkan lebih banyak industri hiliran dan jenama produk sedia ada termasuk Malaysia Best, Agromas, Wanis, Sajimas dan yang terbaru oleh Mas. Ini hanya akan dicapai matlamatnya sekiranya golongan sasar sanggup mengubah sikap dan pemikiran dengan menggunakan kaedah, teknologi serta amalan pertanian yang disarankan.

### **5.5.2 Pengurangan Penggunaan Buruh**

Matlamat ini dapat dicapai melalui pengurangan penggunaan buruh insentif dalam sektor pertanian terutama getah, kelapa, koko dan lada hitam serta menggalakkan tanaman baru yang kurang menggunakan buruh seperti tanaman spesis kayu, buluh dan rotan. Malah, menggalakkan sistem pengeluaran tanaman yang bernilai tinggi yang berunsurkan penjagaan alam sekitar yang baik seperti aeroponik dan hidroponik serta meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan usaha pemindahan teknologi terutama teknologi penjimatan penggunaan buruh seperti dalam bidang penuaian kelapa sawit, buah-buahan, bunga, sayuran dan totehan getah. Oleh itu, pengeluaran akan dijangka bertambah melalui peningkatan produktiviti pekerja melalui penekanan yang diberi kepada teknologi penjimatan buruh, inovasi dan pengurusan ladang yang lebih cekap.

### **5.5.3 Memaksimumkan Penggunaan Tanah**

Memaksimumkan penggunaan tanah yang dapat dicapai melalui menggalakkan perniagaan perhutanan tani (Agroforestry) yang bertujuan untuk membolehkan pengeluaran hasil pertanian dan perhutanan daripada tanah yang sama dan dengan ini dapat mengurangkan tekanan permintaan untuk tanah pertanian yang baru. Pemaksimuman tanah ini juga boleh dicapai melalui penggabungan aktiviti penternak dengan penanaman.

Sistem ini membolehkan pekebun kecil dan pemilik ladang memaksimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan pengeluaran serta memperolehi pulangan yang lebih tinggi. Peningkatan dalam pengeluaran komoditi pertanian akan dicapai melalui

faedah yang diperolehi dari peningkatan produktiviti dalam kawasan sedia ada berbanding dengan meluaskan kawasan penanaman.

#### **5.5.4 Meningkatkan Pendapatan Ladang**

Menggalakkan perladangan bersepada melalui perladangan komersial yang berskala besar untuk mencapai kesan sinergi ke atas perladangan komersial dan meningkatkan aktiviti-aktiviti nilai ditambah pada peringkat ladang seperti mewujudkan Taman Industri Tani. Selain itu, penjimatan melalui pengoptimuman penggunaan bahan-bahan terbuang pertanian dan bahan sampingan seperti pelepas kelapa sawit, tandan buah-buahan serta tangkai dan sekam padi yang kaya dengan khasiat untuk tanah. Peningkatan pendapatan ladang ini dapat dicapai dengan menyediakan insentif untuk mempromosikan perladangan berskala besar, penggunaan kaedah insentif-modal dan teknologi yang tinggi.

#### **5.5.5 Memberi Insentif Kepada Sektor Swasta**

Sektor swasta perlu berani dan aktif untuk menceburkan diri di dalam pengeluaran makanan berbanding tanaman komersial seperti kelapa sawit. Tujuan ini dapat dicapai jika beberapa garis panduan pelaburan asing dalam pertanian disediakan serta senarai aktiviti yang digalakkan perlu disemak dari semasa ke semasa selari dengan fokus pembangunan pertanian semasa.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Tani perlu berunding dan mengkaji penawaran insentif dengan Kementerian Kewangan untuk memperkenalkan insentif yang lebih menarik seperti geran, kredit cukai dan taraf perintis. Jika dilaksanakan, antara pihak yang bakal menerima insentif berkenaan ialah kelompok petani yang menjalankan projek pertanian secara komersial serta syarikat-syarikat yang mahu menghasilkan makanan untuk pasaran eksport.

#### **5.5.6 Pengeluaran Benih Bermutu Tinggi**

Bahan tanaman yang dikeluarkan boleh bermutu tinggi dengan cara seperti perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan kualiti biji benih perlu disediakan di setiap peringkat negeri. Pelaksanaan program ini perlu untuk memastikan Jabatan Pertanian mengeluarkan biji benih yang bermutu dan seterusnya menjamin hasil pertanian yang lumayan.

#### **5.5.7 Meningkatkan Penggunaan Teknologi Terkini**

Peningkatkan mutu pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran dapat dicapai dengan penggunaan teknologi terkini seperti teknologi pengangkutan iaitu jentera pengangkutan yang mana dapat membantu meringankan kerja serta berupaya meningkatkan produktiviti dan liputan kawasan kerja di ladang. Selain itu, penyelidikan dan pembangunan bagi teknologi pengelakkan bencana alam perlu ditingkatkan seperti kemudahan prasarana untuk mengelakkan banjir.

### **5.5.8 Mewujudkan Pejabat Konsular Pertanian Di Luar Negara**

Cadangan terbaru kerajaan untuk mewujudkan pejabat Konsular Pertanian di luar negara untuk mempromosikan produk pertanian Malaysia adalah merupakan satu langkah yang tepat. Pada masa yang sama, penjenamaaan produk pertanian seperti “*Malaysia’s Best*” akan dapat memastikan jenama dan kualiti produk dapat bersaing di pasaran global. Di negara maju contohnya, penjenamaan dan pembungkusan (branding and packing) pertanian sentiasa diutamakan supaya mampu menarik minat pembeli atau pemgimport. Oleh sebab itu, produk pertanian tempatan wajar dijenamakan dan dipasarkan selaras dengan piawaian pasaran luar dan langkah mengadakan kerjasama strategik dengan firma dan pasar raya besar seperti Giant, Tesco dan Carrefour mampu membantu usaha pemasaran produk tempatan ke luar negara. Manakala, Projek Satu Wilayah Satu Industri (SAWARI) yang disarankan oleh kerajaan harus diteruskan kerana kewujudannya mampu membawa pulangan yang lumayan kepada industri desa dan hasil pertanian yang tertumpu pada potensi sesuatu lokaliti atau kawasan.

## **5.6 KESIMPULAN**

Sektor pertanian telah memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara Malaysia, peluang pekerjaan, tukaran wang asing, membasmi kemiskinan dan mengimbangi persekitaran di Malaysia. Sektor ini bukan sahaja mampu menghasilkan pendapatan dan kekayaan baru kepada negara, malah dapat memperbaiki kualiti hidup pelbagai golongan terutama mereka yang berada di kawasan luar bandar.

Usaha kesedaran terhadap pembangunan pertanian secara bersepadu dan menyeluruh terhadap masyarakat perlu ditingkatkan bagi meletakkan semula sektor pertanian di hadapan. Hal ini disebabkan sektor ini menghadapi banyak halangan dan persaingan dengan sektor pembuatan serta perkhidmatan di negara Malaysia.

Selain usaha yang dilakukan oleh kerajaan, para petani, peladang dan nelayan juga perlu bersedia untuk melakukan anjakan minda bagi membantu kerajaan meningkatkan sektor pertanian. Dengan ini, semua pihak perlu bekerjasama untuk menaikkan semula sektor pertanian sebagai sektor yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara.

Perkembangan yang dilakukan dalam sektor pertanian jika diteliti dari Dasar Pertanian Pertama (DPN1) sehingga Dasar Pertanian Ketiga (DPN3) semuanya mempunyai matlamat dan juga objektif yang sama iaitu semata-mata melonjakkan sektor pertanian di negara kita cuma lanjutan dasar-dasar yang dilakukan disebabkan penambahbaikan dari beberapa aspek. Contohnya DPN3 melengkapkan pendekatan pembangunan berkelompok industri berasaskan pertanian yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk Perindustrian Dua (1996-2005) melalui pengukuhan pertalian dalam dan antara sektor ekonomi yang akan merangkumi pembangunan dan peluasan industri sokongan dan perantaraan. Pembangunan industri baru seperti bioteknologi, produk

kimia semula jadi yang dihasilkan daripada sumber biologi dan produk biomass kelapa sawit adalah selaras dengan dasar pembangunan sains dan teknologi.

Oleh itu, sektor pertanian perlulah bergerak seiring dengan sektor-sektor ekonomi yang lain di mana penekanan dalam aspek peningkatan produktiviti, penghasilan kualiti yang tinggi dari penggunaan teknologi moden dan proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mantap ditekankan dan diperluaskan untuk mewujudkan sektor pertanian yang matang, maju, berdaya tahan dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, setelah menjalankan kajian ini, didapati pelaksanaan projek Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) memberi impak yang positif terhadap sosioekonomi peladang di daerah Kuantan, Pahang walaupun terdapat masalah yang timbul di kalangan peladang di daerah Kuantan. Manakala, hubungan antara prestasi projek perladangan dengan jumlah modal saham, projek pertanian dan khidmat kejenteraan adalah berhubung secara positif. Oleh itu, jumlah modal saham, projek pertanian dan khidmat kejenteraan ladang perlulah ditingkatkan bagi meningkatkan keuntungan atau prestasi projek pertanian di daerah Kuantan.

## RUJUKAN

Carl E. Pray (1983). "Private Agricultural Research in Asia". *Journal of Food Policy*, 131-140.

Romeo M. Bautista (1986). "Effect of Increasing Agricultural Productivity in a Multisectoral Model for the Philippines ". *Journal of Agricultural Economics*, 1, 67-85.

Neill Schaller (1983). "The Concept of Agricultural Sustainability". *Journal of Agriculture, Ecosystems and Environment*, 46, 89-97.

Mario Giampietro (1997). "Socioeconomic Pressure, Demographic Pressure, Environmental Loading and Technological Changes in Agriculture". *Journal of Agriculture, Ecosystems and Environment*, 65, 89-97.

Kenji Fukuda (2003). "Production of Energy from Labour and Energy Resources". *Journal of Applied Energy*, 76, 435-448.

Dirk Bezemer and Derek Headey (2007). "Agriculture, Development and Urban Bias". *Journal of World Development*, Vol. 36, No.8, 1342-1364.

Xiangzheng Deng, Jikun Huang, Scott Rozelle and Emi Uchida (2007). "Growth, Population and Industrialization and Urban Land Expansion of China". *Journal of Urban Economics*, 63, 96-115.

Jan Borner, Arisbe Mendoza and Stephen A. Vosti (2007). “Ecosystem Services, Agriculture, and Rural Poverty in the Eastern Brazilian Amazon : Interrelationships and Policy Prescriptions”. *Journal of Ecological Economics*, 64, 356-373.

Mariapia Mendola (2007). “Agricultural Technology Adoption and Poverty Reduction : A Propensity-Score Matching Analysis for Rural Bangladesh”. *Journal of Food Policy*, 32, 372-393.

Xinshen Diao and Alejandro Nin Pratt (2007). “Growth Options and Poverty Reduction in Ethiopia- An Economy – wide Model Analysis”. *Journal of Food Policy*, 32, 205-228.

Joachim Von Braun and Charles Valentine Riley (2008). “Agriculture for Sustainable Development: A Global R&D Initiative to Avoid A Deep and Complex Crisis”. *Journal of Food Policy*, 1-17.

Y.A.B Dato' Seri Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. (1994). “Memerangi Kemiskinan Peladang, Penternak dan Nelayan”. Ms. iv – 195.

Laporan Pencalonan Anugerah Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosioekonomi. (2006). Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA)

Prosedur Kualiti Pertubuhan Peladang. (2005). Lembaga Pertubuhan Peladang, Jilid Dua dan Empat.

Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar. (1998). “Saranan dan Harapan Bapa Pembangunan Peladang”. Ms. i – 422.

Haji Abd. Nasir bin Haji Ismail. (2008, Februari). “Transformasi Pertanian”. Ms. 2 – 15.

Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PASFA. (2007). Ms. i – 78.

<http://www.pahang.gov.my>

<http://www.lpp.gov.my>

## LAMPIRAN

### Variables Entered/Removed(b)

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	ptanian, jentera, saham(a)	.	Enter

a All requested variables entered.

b Dependent Variable: profit

### Model Summary(b)

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.904(a)	.817	.798	1197856.006	.534

a Predictors: (Constant), ptanian, jentera, saham

b Dependent Variable: profit

## ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	185334588 063147.10 0	3	617781960210 49.000	43.055	.000(a)
	Residual	416109113 14411.830	29	143485901084 1.787		
	Total	226945499 377558.90 0	32			

a Predictors: (Constant), ptanian, jentera, saham

b Dependent Variable: profit

## Coefficients(a)

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	-1284882.35 3	332885.038		-3.860 .001
	jentera	.760	11.342	.009	.067 .947
	saham	.543	.469	.175	1.156 .257
	ptanian	.893	.111	.793	8.059 .000

a Dependent Variable: profit

## Lampiran 2

### RINGKASAN PROGRAM PEMBANGUNAN DAN BELANJAWAN TAHUN 2008 (PASFA)

AKTIVITI	PENDAPATAN				PERBELANJAAN				KEUNTUNGAN		
	BELANJAWAN	SEHINGGA	BELANJAWAN	SEHINGGA	BELANJAWAN	SEHINGGA	BELANJAWAN	SEHINGGA	BELANJAWAN	SEHINGGA	BELANJAWAN
	2007	JUN 2007	2008	2007	JUN 2007	2008	2007	JUN 2007	2007	JUN 2007	2008
1. Perniagaan dan Pembekalan Pertanian	8,670,250	6,090,960	9,103,780	8,518,730	5,917,780	8,812,980	151,520	173,180			290,800
2. Program Pembekalan Input Pertanian	1,500,060	212,340	3,204,060	1,444,420	199,070	3,131,570	55,640	13,270			72,490
3. Pemasaran Komoditi	3,464,540	320,620	-	3,314,270	328,180	-	150,270	(7,560)			-
4. Ladang Sawit	6,274,200	2,898,570	7,287,300	2,987,700	1,253,350	4,632,160	3,286,500	1,395,220			2,655,140
5. Ladang (PASFA) Gambang	-	-	2,322,000	-	-	1,950,020	-	-			371,980
6. Program Pembangunan Tanah Terbiar	1,130,140	816,980	3,971,760	792,650	1,144,720	3,810,850	337,490	(327,740)			160,910
7. Ladang PPRT Bukit Gayong	-	-	1,881,450	-	-	2,737,610	-	-			(856,160)
8. Projek Semaian Komersial	1,923,810	239,370	336,360	1,627,720	271,300	288,060	296,090	(31,930)			48,300
9. Perkhidmatan Kejenteraan	829,600	254,980	917,430	782,380	202,760	883,890	47,220	52,220			33,540
10. Kontrak Perladangan	349,390	211,100	637,700	298,550	259,250	589,510	50,840	(48,150)			48,190
11. Projek Properti	1,024,900	544,790	1,068,220	856,600	314,700	887,720	168,300	230,090			180,500
12. Projek Pengeluaran Makanan	815,000	-	81,500	546,900	-	72,570	268,100	-			8,930
13. Agensi Tenaga & Perkhidmatan Insurans	810,520	262,270	617,670	734,250	193,860	538,200	76,270	68,410			79,470
14. Pelaburan	222,000	158,150	280,060	20,000	6,900	8,070	202,000	151,250			271,990
<b>Jumlah</b>	<b>27,014,410</b>	<b>11,940,130</b>	<b>31,709,290</b>	<b>21,924,170</b>	<b>10,091,870</b>	<b>28,343,210</b>	<b>5,020,240</b>	<b>1,868,260</b>			<b>3,366,080</b>

(Sumber: Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PASFA, 2007)



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**PROJEK PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG:  
IMPAK KEPADA SOSIOEKONOMI PELADANG DI  
DAERAH KUANTAN**

**BORANG SOAL SELIDIK (A)**  
**(UNTUK DIISI OLEH KAKITANGAN PENGURUSAN)**

**JABATAN EKONOMI**  
**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**  
**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**  
**(UMT)**

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN**

**ARAHAH:** Bahagian ini melibatkan latar belakang demografi responden. Sila tandakan ( ) bagi jawapan yang dipilih

1. Jantina

- ( ) Lelaki  
( ) Perempuan

2. Bangsa

- ( ) Melayu  
( ) Cina  
( ) India  
( ) Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_

3. Berapakah umur anda , nyatakan\_\_\_\_\_

4. Taraf Perkahwinan

- ( ) Bujang  
( ) Berkahwin  
( ) Duda / janda

5. Tahap pendidikan

- ( ) UPSR / sekolah rendah  
( ) PMR  
( ) SPM  
( ) STPM / Diploma  
( ) Ijazah dan keatas  
( ) Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_

6. Berapakah jumlah tanggungan isi rumah anda?

Nyatakan \_\_\_\_\_ orang

7. Berapakah jumlah pendapatan sebulan anda?

Nyatakan RM \_\_\_\_\_

8. Jawatan responden , nyatakan \_\_\_\_\_

9. Berapa lama anda telah berkhidmat dengan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA). Nyatakan \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B :**

*Di bawah ini disenaraikan faktor-faktor yang mengalakkan peladang terlibat dengan projek-projek PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada petak yang berkenaan.*

	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
1. Peladang tidak mempunyai modal sendiri bagi membangunkan tanah tersebut..	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Ingin mendapatkan kemudahan infrastruktur, jentera pengangkutan dan sebagainya	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Memperolehi penyelenggaraan ladang yang baik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Meningkatkan pendapatan peladang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Mengurangkan pengangguran yang ketara di kalangan penduduk setempat kerana tidak mempunyai pekerjaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Tanah akan dirampas balik oleh kerajaan kerana pemilik tidak mengusahakannya dan tanah dalam keadaan terbiar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Ingin meningkatkan pembangunan kawasan khususnya seperti jalan raya, sekolah, klinik dan sebagainya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Peladang tidak mampu menguruskan sendiri kerana berusia lanjut.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. Lain-lain. Nyatakan _____		

**BAHAGIAN C :**

*Di bawah ini disenaraikan aktiviti yang dijalankan oleh PASFA yang manakah yang menjadi sumber kewangan utama PASFA daripada keuntungan yang diperolehi daripada PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkaitan.*

<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>
<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>Kurang setuju</b>	<b>3</b>
<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>

1. Perniagaan dan pembekalan	1	2	3	4	5
2. Pemasaran komoditi	1	2	3	4	5
3. Ladang kelapa sawit	1	2	3	4	5
4. Program pembangunan tanah terbiar	1	2	3	4	5
5. Projek semaihan komersial	1	2	3	4	5
6. Perkhidmatan kejenteraan	1	2	3	4	5
7. Kontrak perladangan	1	2	3	4	5
8. Projek properti	1	2	3	4	5
9. Agensi tenaga kerja dan perkhidmatan insurans	1	2	3	4	5
10. Pelaburan	1	2	3	4	5

**BAHAGIAN D :**

*Di bawah ini disenaraikan kebaikan dan keburukan akibat pelaksanaan projek-projek PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan dibawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkaitan*

<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>
<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>Kurang setuju</b>	<b>3</b>
<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>

**Kebaikan**

- |  |                       |
|--|-----------------------|
| 1. Dapat mewujudkan golongan peladang yang dapat menguruskan ladang mereka                   | 1    2    3    4    5 |
| 2. Memberi peluang kepada ahli menentukan masa depan pertubuhan yang mereka miliki           | 1    2    3    4    5 |
| 3. Menggalakkan jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan sama-sama menyokong pergerakan PASFA. | 1    2    3    4    5 |
| 4. Mengubah tanggapan umum bahawa PASFA adalah milik kerajaan.                               | 1    2    3    4    5 |
| 5. Lain-lain. Nyatakan _____   |                       |

**Kelemahan**

1. PASFA tidak mampu dari segi kewangan bagi melaksanakan Pelaksanaan	1    2    3    4    5
2. Ahli-ahli tidak mendapat layanan yang saksama dan adil semasa pelaksanaan rancangan/projek	1    2    3    4    5
3. Masih belum mampu untuk bersaing dengan organisasi lain yang menjalankan aktiviti yang sama seperti Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP)	1    2    3    4    5
4. Jumlah penerimaan ahli dalam melaksanakan rancangan/projek tidak ramai dan ini menyebabkan projek akan mengalami kegagalan.	1    2    3    4    5
5. Pengurusan yang kurang pengalaman dan ini akan mempengaruhi kejayaan perlaksanaan rancangan.	1    2    3    4    5
6. Lain-lain. Nyatakan _____	

**BAHAGIAN E :**

*Di bawah ini disenaraikan masalah yang timbul akibat daripada anda menguruskan projek-projek PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan dibawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkaitan.*

<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>
<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>Kurang setuju</b>	<b>3</b>
<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>

1. Penglibatan ahli kurang	1    2    3    4    5
2. Saiz ladang yang berskala kecil dan tidak ekonomik menyebabkan produktiviti rendah dan kos pengeluaran tinggi	1    2    3    4    5
3. Usaha untuk mengoptimumkan tanah terhalang oleh beberapa kekangan terutamanya tuan tanah tidak dapat dikesan, peladang yang berusia lanjut dan tanah yang mempunyai ramai pemilik.	1    2    3    4    5
4. Masalah kekurangan tenaga buruh menyebabkan berlaku pengambilan Tenaga Kerja Indonesia (TKI)	1    2    3    4    5
5. PASFA tidak mengaplikasikan penggunaan teknologi moden dan menggunakan corak tanaman secara tradisional menyebabkan daya pengeluaran pertanian dan pendapatan rendah.	1    2    3    4    5
6. Masalah kekurangan modal menyebabkan daya pengeluaran rendah	1    2    3    4    5
7. Kurang pelabur melabur kerana beranggapan sektor pertanian memberi pulangan yang kurang dan mengambil masa yang lama untuk memperolehi pulangan tersebut.	1    2    3    4    5
8. Lain-lain. Nyatakan _____	

**BAHAGIAN F :**

*Di bawah ini disenaraikan apakah harapan anda terhadap projek-projek PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan dibawah ini. Tanda pada petak yang berkenaan.*

	YA	TIDAK
1. Mampu bersaing dan mengatasi pihak lain dalam menyediakan keperluan ahli-ahli berhubung dengan pertanian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Mampu mengatasi segala masalah berkaitan dengan pertanian yang dihadapi oleh ahli/peladang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Mempunyai kakitangan pengurusan dan penggubal dasar yang betul-betul mahir dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh PASFA.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Dapat memperluaskan aktivitinya dengan meliputi semua bidang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Dapat menarik lebih ramai menjadi ahli dan setiap ahli sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PASFA.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Dapat menarik pelabur melabur dalam sektor pertanian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Lain-lain. Nyatakan _____		



SEKIAN, TERIMA KASIH



**PROJEK PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG:  
IMPAK KEPADA SOSIOEKONOMI PELADANG DI  
DAERAH KUANTAN**

**BORANG SOAL SELIDIK (B)**  
**(UNTUK DIISI OLEH AHLI ATAU PELADANG)**

**JABATAN EKONOMI**  
**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**  
**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**  
**(UMT)**

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN**

**ARAHAH:** Bahagian ini melibatkan latar belakang demografi responden. Sila tandakan ( ) bagi jawapan yang dipilih

**1. Jantina**

- ( ) Lelaki  
( ) Perempuan

**2. Bangsa**

- ( ) Melayu  
( ) Cina  
( ) India  
( ) Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_

**3. Berapakah umur anda , nyatakan\_\_\_\_\_****4. Taraf Perkahwinan**

- ( ) Bujang  
( ) Berkahwin  
( ) Duda / janda

**5. Tahap pendidikan**

- ( ) UPSR / sekolah rendah  
( ) PMR  
( ) SPM  
( ) STPM / Diploma  
( ) Ijazah dan keatas  
( ) Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_

**6. Apakah pekerjaan anda?**

- ( ) Kakitangan awam  
( ) Kakitangan swasta  
( ) Bekerja sendiri  
( ) Pesara  
( ) Pelajar / Surirumah  
( ) Penganggur

**7. Berapakah jumlah pendapatan sebulan anda?**

Nyatakan RM\_\_\_\_\_

**8. Berapakah jumlah tanggungan isi rumah anda?**

Nyatakan \_\_\_\_\_ orang

**BAHAGIAN B : Perihal Keahlian Pertubuhan Peladang Negeri Pahang**

(A) Di bawah disenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi peladang menjadi ahli PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada petak yang berkemaan.

- |   | YA                       | TIDAK                    |
|---|--------------------------|--------------------------|
| 1. Bertujuan meninggikan taraf hidup  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Nasihat daripada ketua kampung/penghulu  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Nasihat daripada kawan-kawan   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Ceramah pada peringkat awal yang diberikan oleh pegawai PASFA mempengaruhi atau memberi keyakinan terhadap peladang.           | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Ingin memperolehi perkhidmatan dan lain-lain bantuan seperti khidmat kejenteraan dan pengangkutan dan bekalan input pertanian. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6. Lain-lain. Nyatakan _____  |                          |                          |
| 7. Apakah pendapat anda setelah menjadi ahli  |                          |                          |

<b>Sangat berfaedah</b>	<b>5</b>
<b>Berfaedah</b>	<b>4</b>
<b>Kurang berfaedah</b>	<b>3</b>
<b>Tidak berfaedah</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak berfaedah</b>	<b>1</b>

## 8. Pernahkah anda menerima apa-apa perkhidmatan daripada PASFA

<b>Pernah</b>	<b>1</b>
<b>Tidak pernah</b>	<b>2</b>

**ARAHAN :** Jika pernah, sila jawab soalan ke-9 dan jika tidak pernah sila jawab soalan ke-10

## 9. Jika pernah menerima perkhidmatan-perkhidmatan daripada PASFA. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima

- |  | YA                       | TIDAK                    |
|--|--------------------------|--------------------------|
| a) Subsidi kejenteraan dan peralatan ladang        | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| b) Tabung bantuan kemalangan peladang              | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| c) Hadiah kecermerlangan pendidikan anak ahli      | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| d) Bantuan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ahli | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| e) Khidmat nasihat                                 | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| f) Latihan   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| g) Guna tenaga buruh                               | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| h) Lain-lain.                                      | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| i) Nyatakan _____                                  |                          |                          |

10. Jika anda tidak pernah menerima perkhidmatan daripada PASFA,, Apakah sebabnya?

<b>Tidak berminat</b>	<b>1</b>
<b>Tidak mengetahui</b>	<b>2</b>
<b>Telah mendapat khidmat daripada jabatan lain</b>	<b>3</b>
<b>Pernah memohon tapi gagal</b>	<b>4</b>

(B) Di bawah disenaraikan masalah-masalah yang timbul sebelum anda terlibat dengan projek PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkenaan.

<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>
<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>Kurang setuju</b>	<b>3</b>
<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>

1. Tiada pembangunan di kawasan anda dari segi infrastruktur, pendidikan dan jalan raya	1   2   3   4   5
2. Wujud pengangguran di kalangan penduduk setempat kerana tidak mempunyai pekerjaan.	1   2   3   4   5
3. Tingkat pendapatan rendah	1   2   3   4   5
4. Tidak menggunakan teknologi dalam melaksanakan aktiviti pertanian	1   2   3   4   5
5. Tidak menggunakan tanah secara optimum	1   2   3   4   5
6. Tanah yang dimiliki oleh anda menjadi sarang penagih dadah berkumpul dan melakukan aktiviti yang tidak bermoral.	1   2   3   4   5
7. Lain-lain. Nyatakan _____	1   2   3   4   5

(C) Di bawah disenaraikan kesan-kesan yang timbul selepas anda terlibat dengan projek PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada petak yang berkenaan.

1. Wujud pembangunan di kawasan anda dari segi infrastruktur, pendidikan dan jalan raya	1    2    3    4    5
2. Kurang pengangguran di kalangan penduduk setempat kerana mempunyai pekerjaan.	1    2    3    4    5
3. Tingkat pendapatan meningkat	1    2    3    4    5
4. Mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam melaksanakan aktiviti pertanian	1    2    3    4    5
5. Penggunaan tanah secara optimum	1    2    3    4    5
6. Lain-lain. Nyatakan _____	1    2    3    4    5

**BAHAGIAN C :**

*Di bawah ini disenaraikan masalah-masalah yang timbul semasa berurusan dengan pihak PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkaitan.*

<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>
<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>Kurang setuju</b>	<b>3</b>
<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>

1. Perkhidmatan yang dikehendaki tidak disediakan seperti subsidi pertanian dan pemasaran pertanian	1    2    3    4    5
2. Kedudukan PASFA yang jauh daripada penempatan peladang	1    2    3    4    5
3. Tidak mendapat layanan yang memuaskan seperti mengambil masa yang lama untuk berurusan dengan PASFA.	1    2    3    4    5
4. Syarat-syarat bagi mendapatkan perkhidmatan terlalu ketat seperti perlu menjadi ahli melebihi lima tahun	1    2    3    4    5
5. Tenaga kerja adalah tidak mencukupi untuk mengusahakan tanah peladang	1    2    3    4    5
6. Lain-lain. Nyatakan _____	1    2    3    4    5

**BAHAGIAN D :**

*Di bawah ini disenaraikan peranan pihak swasta dan kerajaan bagi mengatasi masalah yang timbul akibat projek perladangan PASFA. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkaitan*

<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>
<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>Kurang setuju</b>	<b>3</b>
<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>

- |  |   |   |   |   |   |
|--|---|---|---|---|---|
| 1. Memberi nasihat kepada PASFA dalam menyelesaikan pelbagai masalah                                     | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Memberi bantuan kewangan kepada PASFA jika tidak mempunyai modal dalam menguruskan projek perladangan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Kerajaan bekerjasama dengan pihak PASFA dalam menjayakan projek perladangan.                          | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Kerajaan membantu penduduk dari segi sosioekonomi penduduk seperti pendidikan dan infrastruktur.      | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Lain-lain. Nyatakan _____   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

**BAHAGIAN E:**

- 1.Sila nyatakan cadangan anda, bagi meningkatkan lagi prestasi kemajuan sektor pertanian di daerah Kuantan

---

---

---



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SEKIAN, TERIMA KASIH

PROJEK PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG (ASFA): IMPAK SOSIOEKONOMI PELADANG DI  
DAERAH KUANTAN - NURUL 'AIN BINTI SALEHUDIN